

**KOPERASI  
TENTERA**

**LAPORAN TAHUNAN 2017**



# MENGIMBAS PERJALANAN TRANSFORMASI KT...



Laporan Tahunan 2013

## **TRANSFORMASI SATU LONJAKAN DESTINASI**

Imej burung helang pada kulit Laporan Tahunan 2013 menjadi simbolik kepada pencapaian ke satu tahap yang lebih tinggi. Laporan pada tahun ini telah diberi nafas baharu bagi menandakan detik permulaan perjalanan transformasi KT sebagai sebuah organisasi yang berpotensi besar.



Laporan Tahunan 2014

## **MEMBINA NILAI HAKIKI**

Dalam Laporan Tahunan 2014, KT menekankan kepentingan mengekalkan momentum pertumbuhan dengan berpaksikan kepada nilai-nilai integriti, ketekunan dan profesionalisme. Pada masa yang sama, KT memanfaatkan pembangunan strategik untuk menggerakkan organisasi ini ke hadapan.



Laporan Tahunan 2015

## **TEKAD KUKUH BERSAMA**

Laporan Tahunan 2015 memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana pelan strategik yang dirancang selama ini telah membolehkan KT kekal berdaya saing dan menghasilkan prestasi yang baik walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan pasaran yang kompetitif.

Laporan Tahunan 2017

## BERDEKAD DIYAKINI



Laporan Tahunan 2016

### MELAKAR JEJAK DAN IDENTITI

Tema tahun 2016 dipilih untuk menzhahirkan perjalanan KT yang telah berkembang dengan pesat dan telah bersedia untuk melonjak ke fasa baru. Tumpuan akan diberikan kepada perluasan pasaran, pertumbuhan yang bermatlambat dan menjana nilai tambah yang lestari supaya KT boleh menjadi satu penanda aras baharu dalam landskap pergerakan koperasi.



### SETELAH 57 TAHUN MEMBINA JENAMANYA,

Koperasi Tentera terus menjadi satu cabang pelaburan yang diyakini. Terkini, KT terus memantapkan asas yang telah dibina melalui satu program transformasi yang komprehensif. KT kini telah menjadi peneraju koperasi kredit di negara ini dengan anggota melebihi 155,000.

Mendukung hasrat KT untuk menjadi sebuah co-opbank, KT akan terus memanfaatkan momentum pertumbuhan sedia ada dengan asas yang teguh, stabil dan terjamin untuk terus kekal berdaya saing dan menjadi cabang pelaburan yang terpilih. Walaupun terpaksa berhadapan dengan persekitaran pasaran yang sengit dan mencabar, yakinlah bahawa KT akan terus berusaha untuk menjana pulangan yang lebih kompetitif. Pastinya, masa hadapan KT akan terus gemilang.

# Visi

**Menjadi koperasi yang terunggul dari perspektif keterampilan identiti, keluhuran integriti dan ketinggian tahap kompetensi.**

# Misi

**Menjana peningkatan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota dengan memberi perkhidmatan dan pulangan yang berkualiti dan kompetitif secara konsisten.**

**Mencapai tahap profesionalisme dan kredibiliti yang tinggi serta terkehadapan dalam pergerakan koperasi.**

# ISI KANDUNGAN

**02**

Visi & Misi

---

**04-09**

Detik-detik Bersejarah

---

**10-11**

Notis Mesyuarat Agung

---

**12**

Atur Cara Perasmian

---

**13-15**

Maklumat Korporat  
– Alamat syarikat,  
nama juruaudit, bank  
prinsipal, gambar  
MENHAN, PAT, PTD,  
PTL & PTU

---

**18**

Sorotan Kewangan  
5 Tahun

---

**19-23**

Anggota Lembaga  
– Profil & Gambar

---

**25-28**

Pengurusan Koperasi  
– Profil & Gambar

---

**29**

Jawatankuasa Audit  
Dalaman (JAD)  
– Gambar

---

**32-37**

Penyataan Pengerusi

---

**40-49**

Penyataan Ketua  
Pegawai Eksekutif

---

**50-164**

Penyata Kewangan  
Berkanun

---

**165**

Perbelanjaan Anggota  
Lembaga bagi tahun  
2017

---

**166-168**

Lokasi Cawangan  
Koperasi Tentera

---

**169**

Lokasi Ar-Rahnu  
Koperasi Tentera

---



# DETIK BERSEJARAH


## 1960 Penubuhan Koperasi Tentera




Tun Abdul Razak memberi taklimat kepada pegawai-pegawai atasan Angkatan Tentera Malaysia.



Bangunan Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak.



Buku Minit Mesyuarat KT tahun 60an.



Buku akaun anggota pada tahun 1967.

Permohonan pinjaman anggota.



Sijil penubuhan KT.

## 1970 Membina Kesenambungan

“Draf Undang-Undang Kecil yang kami hasilkan itu akhirnya digunakan sebagai asas kepada koperasi serba guna di seluruh negara”.

Mej Jen (B) Dato’ Hassan bin Hj Mohd Salleh  
1975-1978




Dato’ Hassan bersama-sama Profesor Diraja Ungku Aziz merangka Draf Undang-Undang Kecil Koperasi.

Kol Loo Yew Phin bertanggungjawab membantu mengemaskinikan Akaun Koperasi.



Kol Dato’ Cheng Wah mengusahakan insurans berkelompok dengan Lloyd’s.

Logo KT muncul buat pertama kalinya di muka hadapan Laporan Tahunan 1977.



Bas Mini Wilayah, pengangkutan awam popular milik KT.



Upacara rasmi menandatangani perjanjian untuk menubuhkan syarikat usahasama Harper Wira Sdn Bhd di antara KT dan Harper Gilfillan Holdings Sdn Bhd pada September 1977.

## 1980 Memantapkan Pencapaian



Pengurusan profesional bermesyuarat menentukan polisi.



KT mula melangkah ke arah aktiviti pelaburan.



"Kami adalah antara yang pertama di dunia memperkenalkan insurans berkelompok untuk anggota tentera".

Brig Jen (B) Dato' Arif bin Dato' Awang TUDM



Tan Sri Yaacob bin Mat Zain menyampaikan bantuan peralatan kepada anggota KT.



KT sentiasa teguh mengagihkan dividen sejak tahun 1980an.

## 1990 Melangkah Maju



Perasmian cawangan baharu KT di kawasan selatan pada tahun 1992.



Majlis penyampaian Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1993.



Suara Koperasi edisi pertama diperkenalkan oleh Koperasi Tentera kepada anggota, Wisma Koperasi Tentera, Kuala Lumpur.



Ibu Pejabat, Wisma KT di Jalan Pahang yang kekal hingga ke hari ini.



Kakitangan KT mengendalikan mesin komputer di awal tahun 90an.



# DETIK BERSEJARAH

2000 - 2012  
Menerajui Transformasi



Haji Shariffudin menyerahkan teraju kepimpinan KT kepada YBhg Brigadier Jeneral Dato' Ahmad Zahudi (Bersara).



Majlis menandatangani perjanjian bersama Barclays Capital.



Wira Logistics, anak syarikat KT mengendalikan penghantaran kargo untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Anugerah Koperasi Negara 2005 bukti kecemerlangan KT.




KT menerima Anugerah Koperasi Cemerlang sempena Hari Koperasi Negara 2010.



Majlis penyampaian Sijil MS ISO.



Upacara menandatangani perjanjian penubuhan Syarikat Great Eastern Takaful Malaysia, syarikat usahasama di antara Great Eastern dan KT pada Oktober 2010.



Sijil Piawaian MS ISO, hasil ketelitian dokumentasi KT.



Majlis menandatangani perjanjian antara Koperasi Tentera dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perdagangan (NUCW).



## 2013 Transformasi: Satu Lonjakan Destinasi



Panglima Angkatan Tentera, YBhg General Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj Zulkifeli bin Mohd Zain menandatangani buku 50 Tahun Menerajui Kecemerlangan sempena lawatan YBhg Tan Sri ke Ibu Pejabat, Wisma KT pada 21 Januari 2013.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Datuk Paduka Che Hasni Che Ahmad (Bersara) beramah mesra bersama kakitangan di bahagian kaunter pada Majlis Perasmian Cawangan KT Sungai Besi pada 13 Mac 2013.



KT menerima Anugerah Koperasi Negara 2013 di Jitra, Kedah pada 24 Ogos 2013.



Lawatan dan perasmian Dewan Latihan KT oleh YBhg Datuk Nik Ali bin Mat Yunus, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Ibu Pejabat, Wisma KT pada 18 November 2014.



Ketua Pegawai Eksekutif KT, YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi Hj Salleh (Bersara) menerima Anugerah Tokoh Koperator Wilayah Persekutuan 2014 pada 19 Disember 2014.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) merasmikan Majlis Perasmian Cawangan Temerloh pada 16 Mac 2015.



KT menerima anugerah Koperasi Terbaik sempena Majlis Makan Malam Tahunan dan Anugerah Koperator 2015 anjuran Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN), Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 18 Disember 2015.

# DETIK BERSEJARAH

## 2015 Tekad Kukuh Bersama



KT buka cawangan baharu di Labuan pada 27 Mac 2015.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) dan Ketua Pegawai Eksekutif KT, YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) menerima sijil dan trofi daripada Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah pada Majlis Pelancaran Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2015 pada 16 Ogos 2015.



Cawangan Ar-Rahnu KT terbaharu di Subang Perdana, Shah Alam dibuka kepada orang ramai pada 17 November 2015.

## 2016 Melakar Jejak dan Identiti



KT dan Tata Consultancy Services menandatangani Kontrak Pembangunan Sistem Bersepadu Perbankan Islam 10 Mac 2016.



KT rangkut 2 anugerah sempena Hari Koperasi Negara 2016 iaitu Anugerah Koperasi Terbaik: Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Profil Koperasi Terbaik sempena Hari Koperasi Negara (HKN) 2016 pada 21 Julai 2016.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) dan Ketua Pegawai Eksekutif KT, YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) menerima Anugerah Koperasi Lestari Modal Insan: Kategori Koperasi Besar yang disampaikan oleh tetamu kehormat Maktab Koperasi Malaysia pada 11 November 2016.



Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), YBhg Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat dan delegasi-delegasi SKM bergambar kenangan bersama Anggota Lembaga Koperasi dan Pengerusan KT sempena lawatan kerja SKM ke KT pada 8 Disember 2016.



Anugerah dan plak penghargaan yang dimenangi oleh KT di HKN 2016.



## 2017 Berdekad Diyakini



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) telah menandatangani ikrar integriti di Kursus Pemantapan Tadbir Urus Co-op Bank dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) anjuran Bahagian Co-op Bank dan Penyeliaan Khas, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 3 hingga 5 Mei 2017.



KT menerima Anugerah Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan Tempat Ke-2 dan Anugerah Profil Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan sempena Hari Koperasi Negara (HKN) 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan pada 25 Julai 2017.



Anugerah dan plak penghargaan yang dimenangi oleh KT di HKN 2017 peringkat Wilayah Persekutuan.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) diringi Ketua Pegawai Eksekutif YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) dan Anggota Lembaga Koperasi YBhg Mej Jen Dato' Ahmad Tarmizi (Bersara) menyampaikan cek Sumbangan Mesin Dialisis kepada Pengarah JHEV ATM, YBhg Mej Jen Dato' Mohamad Khir bin Abdullah pada 24 Mei 2017.



Setiausaha Kehormat KT, En Mustapha A Jalil dan Anggota Lembaga Koperasi, En Mohammad Fazilla bin Halim telah menghadiri *International Co-Operative Alliance (ICA) Global Conference and General Assembly 2017 (ICA KL 2017)* pada 15 hingga 19 November 2017.



Pengerusi KT, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) dan Ketua Pegawai Eksekutif KT, YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) bergambar bersama warga KT bersempena "*Core Banking System Appreciation Hi-Tea*" pada 23 Mei 2017.

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-53

## Mesyuarat Agung Tahunan Ke - 53

### Tempat:

Dewan Besar PERHEBAT,  
Kem Sg. Buloh, 47000 Sg. Buloh,  
Selangor

### Waktu:

Ahad, 15 Julai 2018  
jam 7.00 pagi

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-53 Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad ("Koperasi Tentera" atau "Koperasi") akan diadakan pada hari Ahad, 15 Julai 2018, jam 7.00 pagi di Dewan Besar PERHEBAT, Kem Sg. Buloh, 47000 Sg. Buloh, Selangor.


### AGENDA

1. Mendaftar dan memilih Anggota Lembaga Koperasi ("ALK" atau "Lembaga") baharu mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT).
2. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang ALK untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-53.
3. Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52 yang telah diadakan pada 30 Julai 2017.
4. Membentang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 termasuk perkara-perkara seperti berikut:
  - a) Lembaran Imbangan;
  - b) Penyata Pendapatan;
  - c) Agihan Keuntungan termasuk bayaran 10% dividen atas yuran dan syer dan honorarium ALK;
  - d) Laporan Lembaga Koperasi;
  - e) Laporan Juruaudit Luar;
  - f) Perbandingan angka sebenar dan bajet 2017;
  - g) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, termasuk maklum balas ALK; dan
  - h) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) termasuk maklum balas ALK.
5. Menimbang dan meluluskan belanjawan bagi tahun 2019 termasuk meluluskan saraan ALK dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD).
6. Meluluskan Saraan bagi tahun 2019 kepada Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari yang mewakili Koperasi menurut Seksyen 46 (2) Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan 17 SKM.
7. Menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM3 bilion bagi tahun 2019 dengan kadar keuntungan bank tidak melebihi kadar pasaran semasa.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan baharu Koperasi bagi tahun 2019.
9. Melantik Juruaudit Luar dan memberi mandat kepada Lembaga untuk menetapkan bayaran perkhidmatan mereka.



10. Menimbang dan meluluskan tambahan dan pindaan kepada UUK KT dan Aturan-Aturan Koperasi, jika ada.
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.
12. Mengumumkan keputusan pelantikan/pelantikan semula menurut Fasal 36 UUK KT dan pemilihan ALK baharu/pelantikan semula menurut Fasal 38 UUK KT.

#### Dengan Perintah Lembaga



#### MUSTAPHA BIN A JALIL

PMC PJM PJK PPS PPA Dip Business Mgmt. (OUM)  
Setiausaha Kehormat

Wisma Koperasi Tentera  
No. 1, Jalan 2/65C  
Off Jalan Pahang Barat  
53000 Kuala Lumpur

Kuala Lumpur  
11 Jun 2018

#### Nota:

1. **Kelayakan Menghadiri Mesyuarat Agung** - Menurut Fasal 13 dan 16 Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT) berdasarkan kepada Seksyen 50 (a) dan Seksyen 28 Akta Koperasi 1993, anggota yang telah menjelaskan fi masuk dan yuran bulanan pertama yang bernilai sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh) serta syer RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus) pada atau sebelum 15 Jun 2018 boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53 pada 15 Julai 2018. Kelayakan mengundi adalah tertakluk kepada Fasal 25 UUK KT dan Seksyen 30, Akta Koperasi 1993.
2. **Anggota Mohon Berhenti** - Anggota yang telah mendapat kelulusan berhenti daripada Unit Keanggotaan Koperasi pada atau sebelum 15 Jun 2018 adalah tidak layak mengundi dan tiada hak dan tanggungjawab seperti di bawah Fasal 16 dan 21, UUK KT.
3. **Pendaftaran dan Pengundian** - Pendaftaran dan pengundian bagi memilih Anggota Lembaga Koperasi akan bermula pada jam 7.00 pagi dan tamat jam 11.30 pagi atau pada suatu masa yang ditetapkan.
4. **MyTentera / MyKad** - Anggota dikehendaki membawa MyTentera / MyKad semasa pendaftaran dan pengundian.
5. **Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalaman** - Menurut peruntukan Seksyen 42A, Akta Koperasi 1993, pemilihan tidak akan dilakukan di Mesyuarat Agung sebaliknya pelantikan dibuat oleh Lembaga selepas Mesyuarat Agung.
6. **Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen** - Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen menurut Fasal 68 (1), UUK KT. Kelulusan pembayaran dividen akan dilaraskan pada Mesyuarat Agung Tahunan dan dibayar pada 1 Jun 2018. Sekiranya KT tiada menerima arahan bayaran ianya akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan anggota pada 4 Jun 2018.
7. **Pakaian Menghadiri Mesyuarat Agung** - Anggota Tentera yang masih berkhidmat hadir pada Mesyuarat Agung Koperasi Tentera diwajibkan memakai pakaian kerja (No. 3).

# ATUR CARA PERASMIAN

Atur cara Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera Ke-53 pada 15 Julai 2018, di Dewan Besar PERHEBAT, Kem Sungai Buloh, 47000 Selangor.

MASA	ATUR CARA MAJLIS
08.30 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat dan pengundian di Dewan Tan Sri Yusuf
09.30 pagi	Ketibaan Naib-Naib Yang DiPertua Koperasi Tentera di Dewan Tan Sri Yusuf  (a) Yang Berbahagia Panglima Tentera Darat (b) Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut (c) Yang Berbahagia Panglima Tentera Udara
09.45 pagi	Ketibaan Yang Berbahagia Panglima Angkatan Tentera merangkap Yang DiPertua Koperasi Tentera di Dewan Tan Sri Yusuf
09.50 pagi	Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia di Dewan Tan Sri Yusuf
10.00 pagi	Tetamu Kehormat beredar ke Dewan PERHEBAT
10.05 pagi	Nyanyian lagu Negaraku
10.10 pagi	Bacaan Doa
10.15 pagi	Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Koperasi Tentera
10.20 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ucapan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera Ke-53</li><li>• Penyampaian Sumbangan Bakti, Penerima Anugerah Anggota Terlama dan Penerima Pampasan Insurans</li><li>• Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia dan Tetamu Kehormat beredar ke Dewan Tan Sri Yusuf untuk jamuan ringan</li><li>• Majlis perasmiaan selesai</li></ul>
11.15 pagi	Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera Ke-53 diteruskan



# Maklumat Korporat

## **Alamat Syarikat Berdaftar**

Wisma Koperasi Tentera,  
No. 1, Jalan 2/65C,  
Off Jalan Pahang Barat,  
53000 Kuala Lumpur.

## **Juruaudit**

Ernst & Young

## **Bank Prinsipal**

Malayan Banking Berhad

# MAKLUMAT KORPORAT



**YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU**

*Menteri Pertahanan Malaysia*





## YANG DIPERTUA

**JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI BIN RAJA MOHAMED NOOR**

**Panglima Angkatan Tentera**

PGAT PMN PSM PJN SSAP SPMT SPMP SPMS SPTS SPMK SPKK DPPN DCSM SPDK PSAT DGMK DSDK DSAP DMPN PAT JSM SMZ KAT KMN PNBB (Moz) DPKT (Brunei) ndc mpat psc MDef Studies (UNSW) MSc Strat and Def Studies (QAU)

## NAIB YANG DIPERTUA



**JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIPLE BIN HJ KASSIM**

**Panglima Tentera Darat**

PGAT PSM PJN SPMS SSAP DPPN SPTS DCSM PSAT DGMK DPKK DSAP DIMP DSMZ DPMK PMW PAT JSM SMZ SDK KMN AMT AMP PJM PKN PPS PPA MSc (Mgt) fadc psc



**LAKSAMANA TAN SRI AHMAD KAMARULZAMAN BIN HJ AHMAD BADARUDDIN**

**Panglima Tentera Laut**

PGAT PSM PJN SPMS DGPN SPTS DGSM PSAT DPMS PGDK PAT JMN SMS KAT KMN PJM PKN PPS PPA Nishan-e-Imtiaz (Military) (Pakistan) The Order of King Abdulaziz (Excellent Grade) (Saudi Arabia) MBA (Strathclyde) MA (UKM) mpat psc



**JENERAL TAN SRI DATO' SRI HJ AFFENDI BIN BUANG**

**Panglima Tentera Udara**

PGAT PSM SSAP PSAT DIMP PAT SAP KAT AMP PTU PJM PKN PPS PPA rcds (UK) Dssc (Aus) MA (Deakin) psc jt TUDM






# TEGUH


Dengan asas ketenteraan yang teguh, budaya khidmat pelanggan yang cemerlang dan strategi perniagaan yang berkesan, KT telah membina asas yang kukuh dan berkembang pesat sehingga berupaya menjadi sebuah organisasi yang berpotensi luas dan diyakini.

# SOROTAN KEWANGAN LIMA TAHUN


## KEANGGOTAAN




## KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM JUTA)




## YURAN & SYER TERKUMPUL (RM JUTA)




## ASET TERKUMPUL (RM JUTA)




## ASET PEMBIAYAAN (RM JUTA)




## DIVIDEN (RM JUTA)



## PERTUMBUHAN DANA (RM JUTA)



## PRESTASI KEWANGAN (RM JUTA)





# ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

## MEJ JEN DATO' ZULKIFLEE BIN MAZLAN (BERSARA)

Pengerusi Koperasi Tentera

### KELAYAKAN

- Master of Science, National Security Strategy, National Defense University, Fort McNair, Washington D.C
- Diploma Lanjutan Undang-Undang LLB (Hons), Institut Teknologi Mara (ITM)

### PINGAT

PSAT DSNS PAT JSM DNS KMN  
ANS MSC (NDU) LLB (Hons) mpat psc



### PENGALAMAN

Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) mempunyai lebih 42 tahun pengalaman dalam bidang pertahanan. Beliau adalah graduan akademi tentera terkemuka Royal Military Academy Sandhurst, England pada tahun 1974. Beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Koperasi Tentera pada 14 Jun 2015. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau merupakan Inspektor Jeneral (Bahagian Inspektorat Tentera Darat), Markas Tentera Darat dan Ketua Pengarah di Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sebuah jabatan di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Selain itu, beliau juga turut memegang beberapa jawatan lain sepanjang penglibatan beliau dalam bidang pertahanan seperti Komandan Kolej Tentera Darat kedua, di Ulu Tiram, Johor dan Ketua Pegawai Semboyan ke-13 (Kor Rejimen Semboyan Diraja).

# ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Dari kiri ke kanan:

## **ENCIK MUSTAPHA BIN A JALIL**

Setiausaha Kehormat

PMC PJM PJK PPS PPA Dip Business  
Management (OUM)

## **LT KOL HAMIDI BIN ACHIN**

Naib Pengerusi

KAT ANS PJM PNBB (Congo) PPS PPA  
mpat psc MDS MSc (Info Sy) M Soc Sc  
(Def Stud) BSc Comp (SW Engr)  
Dip Comp Sc

## **LT KOL HJ ABDUL HALIM BIN MOHD NOOR**

Bendahari

KAT AMK BCK PNBB PPS PPA UN  
MEDAL (Sahara Barat) psc MM (UM)  
DIA (ITM) Dip Strat & Def (UM)



Dari kiri ke kanan:

**BRIG JEN AHMAD  
BIN ABD RAHMAN TUDM**

PAT AMP PCM KAT KMN KSD AMN AMP  
PJM PPS PPA ndc (BD) mpat psc TUDM  
Msc Security Development (BDU) Msc Strat  
& Def (UKM) & Dip Strat & Def (UM)

**MEJ JEN DATO' MARDZUKI  
BIN MUHAMMAD**

DSDK PAT JSM PKK KAT AMK PJM kndu  
mpat psc MSoc Sc Science Defence Studies  
(UKM) BSc Civil Engineering (Univ of  
Hartford)

**WAN MOHD ASRAF  
BIN WAN SALLEH**

Senior Intl' Def Mgt (NPS, Monterey,  
California) Msc Strategy & Policy  
(Australian Defence Forces Academy,  
Canberra) LLB (UIAM) Dip Public  
Administration (INTAN)

**BRIG JEN DATO' ABDUL HADI  
BIN MD SHARIF**

DIMP PAT KAT AMN PJM PNBB (Liberia)  
mpat psc MSc Def Studies (UKM) Dip Strat  
(UM)

**LAKSDA DATO' AZHARI  
BIN ABDUL RASHID**

PSAT DSAP DSIS PAT JSD SMP SMS  
KAT KMN PJM PPS PPA MM(UM)  
MMSc ndu (Beijing) Dip SDS Dip PS psc





# ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Berdiri dari kiri ke kanan:

## **LT KOL ROZI BINTI ABBAS**

KAT AMN Dip Strat (UM) Dip Psikologi  
Kaunseling (UKM) psc

## **KOL HJ ABDUL KADIR BIN HJ MOHD ALI**

DPT KAT AMN PNBB (Congo) PJM MSc  
Soc (UKM), Dip Strat (UM) mpat psc

## **PW I ROMZI BIN ABD WAHAB**

BAT AMN PCK PJM PPS PPA



Berdiri dari kiri ke kanan:

**ENCIK MOHAMMAD FAZILLA  
BIN HALIM**

PJM PNBB (Bosnia) PPS PPA PBB

**TUAN HJ HAFIZI  
BIN ABDUL MUTOLIF**

BAT AMN BSD PCK PJM

**PW I (YOS) NOOR AFZAN  
BINTI MANSOR**

PPS PPA Dip IT (OUM)





1050  
Kuala Lumpur

CELEBR

6



# PENGURUSAN KOPERASI

## BRIGADIER JENERAL DATO' AHMAD ZAHUDI BIN HAJI SALLEH (BERSARA)

Ketua Pegawai Eksekutif

### KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi Mara
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

### PINGAT

DSDK PAT JSM SDK KAT KMN CA (M)  
BAcc (Hons) (UiTM) mpat psc



### PENGALAMAN

Brigadier Jeneral Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) mula menerajui Koperasi Tentera sejak 2 Oktober 2006. Beliau mempunyai lebih 47 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan sumber dan kewangan. Pengalaman ini diperolehi di sepanjang kerjaya beliau selama 35 tahun (1972 - 2006) di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan 12 tahun (2006 - 2017) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Koperasi Tentera. Semasa di dalam ATM, beliau telah memegang beberapa jawatan penting termasuklah memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Urusan Gaji Angkatan Tentera selama 9 tahun (1998 - 2006).

Beliau melibatkan diri dalam pergerakan koperasi sejak tahun 1974 apabila menjadi anggota Koperasi Tentera. Penglibatan

aktif beliau selama 24 tahun dalam tadbir urus koperasi pula bermula pada tahun 1993 sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan kemudiannya menjadi Setiausaha Kehormat pada tahun 1995 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi KT selama 8 tahun mulai tahun 1999. Beliau telah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi dan Anggota Lembaga pada bulan September 2006 untuk mengetuai tim pengurusan selaku Ketua Pegawai Eksekutif.

Di bawah kepimpinan beliau, aset KT telah berkembang sebanyak RM1.27 bilion dalam tempoh 10 tahun iaitu daripada RM1.70 bilion (2008) menjadi RM2.97 bilion dalam tahun 2017. Dalam tempoh tersebut, KT telah berjaya mencatatkan pendapatan bersih

berjumlah RM2.33 bilion dan keuntungan sebelum pembahagian berjumlah RM1.78 bilion. Dalam tempoh yang sama, KT telah membayar RM1.07 bilion dividen tunai kepada anggotanya.

Sebagai seorang Ketua Pegawai Eksekutif, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa anak syarikat dan syarikat bersekutu untuk menjaga kepentingan KT. Di antara syarikat tersebut ialah Pacific Mas Berhad, Pacific Mutual Fund Berhad dan Harper Wira Sdn Bhd.

Dato' Ahmad Zahudi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA dan seorang Akauntan Bertauliah.

# PENGURUSAN KOPERASI

Duduk dari kiri ke kanan:

**MOHAMAD KHAIRUL ANUAR  
BIN MOHAMED**

Pemangku Ketua Pegawai Operasi

**BRIGADIER JENERAL DATO' AHMAD  
ZAHUDI BIN HAJI SALLEH (Bersara)**

Ketua Pegawai Eksekutif

**BALILAH BT HASSAN**

Ketua Sumber Manusia

Berdiri dari kiri ke kanan:

**LT KOL ISMAIL BIN HJ ALI (Bersara)**

Pemangku Ketua Operasi Sokongan

**MOHAMAD SAZALI BIN SAMJIS**

Pengurus Kanan, Perbankan Runcit

**NURSHAHILLA BT AHMAD**

Ketua Sekretariat & Perundangan

**SHAMSUDDIN BIN HJ JAAFAR**

Pemangku Ketua Kewangan &  
Perbendaharaan

**SUHAILIE BIN MOHD SARIP**

Ketua Sistem Maklumat

**MOHD GHAZALI BIN ABBAS**

Ketua Audit Dalaman

**SHARIFAH ZALINA BINTI  
ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengurusan Risiko & Pemuatuhan

**MANSOR BIN ABU BAKAR**

Ketua Perbankan Pelanggan



## **MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMED**

Pemangku Ketua Pegawai Operasi

### **Kelayakan**

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Perhubungan Antarabangsa, Universiti Lehigh, Pennsylvania, Amerika Syarikat

### **Pengalaman**

Encik Mohamad Khairul Anuar bin Mohamed mempunyai 18 tahun pengalaman kerja, termasuk 13 tahun dalam industri perbankan di RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad. Beliau telah memegang jawatan pengurusan kanan untuk lebih lapan (8) tahun.

Jawatan terakhir beliau di RHB Bank adalah sebagai Pengurus Kanan Projek & Sistem, Bahagian Pemulihan Pinjaman. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau bertugas sebagai Pengurus Kanan Perniagaan Kewangan, Bahagian Kewangan di Bank Islam Malaysia Berhad selama lima (5) tahun.

## **MANSOR ABU BAKAR**

Ketua Perbankan Pelanggan

### **Kelayakan**

- Diploma Pengurusan Kredit dari Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- Program Lanjutan Pengurusan Perbankan, Asian Institute of Management, Manila

### **Pengalaman**

Encik Mansor bin Abu Bakar mempunyai lebih 32 tahun pengalaman dalam industri perbankan. Beliau memulakan kerjayanya di Pacific Bank dan Maybank. Beliau telah memegang beberapa jawatan pengurusan seperti Naib Presiden, Perbankan Islam di Pacific

Bank dan Ketua Perbankan Korporat, Perbankan Islam di Maybank. Jawatan terakhir beliau di Maybank adalah sebagai Ketua Perkhidmatan Pelanggan, Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank.

## **BALILAH BT HASSAN**

Ketua Sumber Manusia

### **Kelayakan**

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Southern Illinois, Carbondale, Illinois, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) Universiti Southern Illinois, Carbondale, Illinois, Amerika Syarikat

### **Pengalaman**

Puan Balilah bt Hassan mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang sumber manusia. Beliau memulakan kerjayanya dengan Kumpulan Maybank sebagai Eksekutif Sumber Manusia dan kemudiannya menjawat Ketua Modal Insan di Maybank Investment Bank. Beliau telah berkhidmat selama 17 tahun di Kumpulan Maybank. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, jawatan terakhir beliau adalah Ketua Sumber Manusia di Syarikat Takaful Malaysia Berhad selama 3 tahun.

## **MOHD GHAZALI BIN ABBAS**

Ketua Audit Dalaman

### **Kelayakan**

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi & Perniagaan, Universiti York, Toronto, Kanada
- Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia
- Ahli Bersekutu Persatuan Akauntan Bertauliah

### **Pengalaman**

Encik Mohd Ghazali bin Abbas mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang audit, di mana beliau memegang jawatan sebagai pengurusan kanan selama 19 tahun melapor terus kepada Jawatankuasa Lembaga Audit. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pemeriksa Kanan (Senior Examiner) di Bank Negara Malaysia pada tahun 1986 sebelum menyertai Land & General Berhad sebagai Pengurus Audit. Beliau kemudiannya telah menyertai Aseambankers Malaysia Berhad sebagai Ketua Audit Dalaman dan kemudian dilantik sebagai Ketua Perbankan Pelaburan dan Pengurusan Aset Audit, Kumpulan Maybank. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Audit Dalaman, Audit & Pemeriksaan, Bank Pembangunan Malaysia Bhd selama enam (6) tahun.

## **SHARIFAH ZALINA BINTI ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengurusan Risiko & Pematuhan

### **Kelayakan**

- Ijazah Sarjana Kewangan Islam dari International Centre of Islamic Finance (INCEIF)
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Universiti California State, Sacramento, Amerika Syarikat
- Ahli Kredit Professional Bertauliah (CCP), IBBM

### **Pengalaman**

Puan Sharifah Zalina mempunyai 22 tahun pengalaman dalam industri perbankan. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau telah berkhidmat sebagai Juruaudit Dalaman dan Penganalisis Kredit di Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan kemudian meneruskan khidmat sebagai Pengurus Perbankan Komersil/Pengurus Penilaian Kredit/ Ketua Pengurusan Risiko Kredit di Bank Muamalat (M) Berhad sebelum menyandang jawatan sebagai Ketua Pengurusan Risiko Kredit di Bank Simpanan Nasional dan Naib Presiden, Kumpulan Pengurusan Risiko di Ambank Berhad.



# PENGURUSAN KOPERASI

## SUHAILIE BIN MOHD SARIP

Ketua Sistem Maklumat

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Perisian, Universiti Sheffield Hallam, United Kingdom

### Pengalaman

Encik Suhailie bin Mohd Sarip memulakan kerjaya dalam bidang teknologi maklumat sebagai Penganalisa Kanan di Mobikom Sdn Bhd. Seterusnya, beliau menyertai Measat Broadcast Network System Sdn Bhd sebagai Penganalisis Sistem. Beliau kemudiannya menyertai Citibank Berhad di mana beliau berkhidmat sebagai Pengurus Projek selama sembilan (9) tahun sebelum dilantik sebagai Penolong Naib Presiden. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau merupakan Naib Presiden, Teknologi Maklumat di Asian Finance Bank Berhad di mana beliau berkhidmat selama tiga (3) tahun.

## SHAMSUDDIN BIN HJ JAAFAR

Pemangku Ketua Kewangan & Perbendaharaan

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

### Pengalaman

Encik Shamsuddin bin Hj Jaafar mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Audit Dalaman di Land & General Berhad. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau merupakan Akauntan Projek di Ranhill Engineers and Constructors Sdn. Bhd.

## LT KOL ISMAIL BIN HJ ALI (Bersara)

Pemangku Ketua Operasi Sokongan

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat), Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Diploma Pertahanan & Strategik, Universiti Malaya
- Diploma Pascasiswazah Analisa Sistem, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Universiti Indiana State, Amerika Syarikat

### Pengalaman

Lt Kol Ismail bin Haji Ali (Bersara) mula berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada November 1985 sebagai Pegawai Gaji, Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera dan telah bersara pada Feb 2006. Selepas berkhidmat dengan ATM, beliau telah menyandang jawatan sebagai Penolong Pengarah Kanan, Pentadbiran & Keurusetiaan di MARITIM sebelum mula berkhidmat di KT pada Mac 2007.

## NURSHAHILLA BT AHMAD

Ketua Sekretariat & Perundangan

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kemasukan ke Malaysian Bar sebagai Peguambela & Peguamcara pada 1996.
- Setiausaha Syarikat berlesen (LS/AIACS)
- Master Eksekutif dalam Pengurusan – Universiti Asia E

### Pengalaman

Puan Nurshahilla bt Ahmad mempunyai lebih 17 tahun pengalaman dalam bidang sekretariat. Beliau memulakan kerjaya di Seteras Resources Berhad pada tahun 2000 sebagai Eksekutif Kesetiausahaan. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau adalah Pengurus, Kumpulan Perundangan & Sekretariat di Ingress Corporation Berhad selama tujuh (7) tahun.

## MOHAMAD SAZALI BIN SAMJIS

Pengurus Kanan, Perbankan Runcit

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran), Universiti Utara Malaysia

### Pengalaman

Encik Mohamad Sazali bin Samjis mempunyai hampir 20 tahun pengalaman dalam bidang perbankan dan beliau telah memulakan karier sebagai Eksekutif Perniagaan pada tahun 1999 di Maxiview Resources Sdn Bhd. Sebelum memulakan tugas di KT pada Julai 2017, beliau telah berkhidmat di AEON Credit Service, MAYBANK, RHB Bank Berhad, Jermin Corporation (M) Sdn Bhd, American International Assurance Company Ltd dan terakhir di Bank Simpanan Nasional.

# JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)



**LT KOL HJ ROSNI  
BIN UJANG**

Jabatanarah UGAT  
Kementerian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur



**LT KOL ZULKIFLE  
BIN HASHIM**

PS 1 Kewangan  
Cawangan Sumber Manusia  
Markas Tentera Darat  
Kementerian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur



**LT KDR SHAKILLA FAJIRIN  
BT RAMLEE TLDM**

Markas Tentera Laut  
Bahagian Sumber Manusia  
Cawangan Dasar &  
Pembangunan Sumber Manusia  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur



**LT KOL ROZZE BIN ALI  
RAHIM TUDM**

AKS A1, Markas Pemerintahan  
Operasi Udara  
Tingkat 10 Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur



**ENCIK MUHAMMAD  
HAFIZUL BIN MATMOR**

Bahagian Kewangan, Kementah  
Tingkat 7  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur





A Newton's cradle with three silver spheres. The spheres are in motion, with the middle one having just struck the other two, causing them to swing outwards. The background is a light gray gradient.

# STABIL

Keupayaan KT mencatat prestasi cemerlang tahun demi tahun telah membuktikan kestabilan organisasi ini. Kecemerlangan ini dicapai menerusi pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah, mempunyai modal insan yang kompeten dan bermotivasi serta melalui penggunaan teknologi maklumat secara berkesan.

# PENYATA PENGERUSI


---

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada anggota Koperasi Tentera yang dihargai.

Kekuatan sesebuah organisasi bergantung kepada sokongan kuat anggotanya. Alhamdulillah, setelah hampir enam dekad kewujudannya, Koperasi Tentera (KT) masih terus diyakini anggota, yang tanpanya KT tidak akan mampu menjadi antara Koperasi terbaik di Malaysia.

---

MEJ JEN DATO' ZULKIFLEE  
BIN MAZLAN (BERSARA)  
Pengerusi



Maka, dengan besar hati, saya, bagi pihak Lembaga Koperasi Tentera akan membentangkan Laporan Tahunan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dipertua dan Naib-Naib Yang Dipertua di atas dorongan dan sokongan kepada KT untuk terus bergerak maju sehingga berada di tahap sekarang.

## PRESTASI KEWANGAN 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa prestasi kewangan KT bagi tahun 2017 pada keseluruhannya menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran operasi dan saingan daripada institusi perbankan, KT berjaya merekodkan pendapatan bersih berjumlah RM313.2 juta dan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM204.7 juta untuk tahun kewangan 2017. Perincian kepada prestasi kewangan KT 2017 adalah seperti di bawah.

### Pendapatan

Pada tahun kewangan 2017, KT merekodkan pendapatan kewangan berjumlah RM319.3 juta, peningkatan sebanyak RM39.5 juta berbanding RM279.8 juta yang direkodkan pada tahun 2016. Peningkatan ini bukanlah terhasil daripada aktiviti perniagaan tetapi daripada pematuhan Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). Pelarasan MFRS yang positif itu sebenarnya adalah hasil dari amalan-amalan yang konservatif sepanjang kewujudan KT.

Pada hakikatnya, pendapatan dari aktiviti pembiayaan tiada peningkatan, sejajar dengan tiadanya peningkatan dalam aset pembiayaan. KT juga telah menjimatkan kos pembiayaan sebanyak RM5.9 juta daripada RM35.6 juta pada tahun 2016 kepada RM29.7 juta pada tahun 2017, hasil dari pengurusan kecairan dan penggunaan fasiliti pembiayaan bank yang lebih efektif.

Ditambah dengan pendapatan daripada aktiviti-aktiviti lain seperti insurans dan pelaburan, KT telah menjana pendapatan bersih berjumlah RM313.2 juta pada tahun 2017, RM42.5 juta lebih dari pendapatan bersih tahun 2016, iaitu RM270.7 juta.



### Perbelanjaan

Selaras dengan proses menaik taraf KT yang sedang giat dilaksanakan, perbelanjaan operasi bagi tahun 2017 secara keseluruhan menunjukkan peningkatan yang besar berbanding tahun-tahun sebelum. Kos-kos berkaitan penyelenggaraan komputer dan susut nilai meningkat dengan pelancaran sistem teras baru KT. Ini menyebabkan kos operasi meningkat sebanyak RM13.6 juta, iaitu dari RM69.6 juta pada tahun 2016 kepada RM83.2 juta pada tahun 2017.



**RM319.3**  
**Juta**

**PENDAPATAN  
KEWANGAN  
PADA 2017**



**RM29.7**  
**Juta**

**PENJIMATKAN  
KOS  
PEMBIAYAAN  
PADA 2017**



# PENYATA PENGERUSI

Peruntukan rosot nilai pembiayaan pula menunjukkan pengurangan sebanyak RM4.0 juta dari RM29.2 juta pada tahun 2016 kepada RM25.2 juta. Walaupun terdapat penurunan dalam rosot nilai pembiayaan, KT masih merasakan jumlah pembiayaan tidak berbayar masih tinggi, mengambil kira KT mendapat kemudahan potongan gaji secara langsung dari majikan.

## Keuntungan Sebelum Cukai

Keuntungan sebelum cukai, zakat dan pembahagian berkanun KT untuk tahun 2017 meningkat sebanyak RM32.9 juta menjadi RM204.7 juta berbanding RM171.8 juta yang direkodkan dalam tahun 2016. Ini selaras dengan peningkatan pendapatan RM42.5 juta dan penambahan kos keseluruhan (termasuk peruntukan rosot nilai pembiayaan) sebanyak RM9.6 juta.

Seperti yang telah dinyatakan tadi, peningkatan ini lebih kepada hasil amalan konservatif pada tahun-tahun sebelum pematuhan MFRS. Untuk tahun-tahun akan datang, kesan pematuhan berkemungkinan akan memberi kesan yang lebih negatif dengan pematuhan kepada piawaian MFRS 9 untuk instrumen-instrumen kewangan.

## Pembahagian Untung

Setelah mengambil kira pengagihan berkanun mengikut Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) bayaran zakat dan cukai dan agihan-agihan lain, KT telah memperuntukkan sebanyak RM144 juta (jumlah maksimum) untuk pembayaran dividen atau bersamaan 10%. Untuk tahun kewangan 2017, kadar 1% dividen telah meningkat menjadi RM14.4 juta berbanding RM 13.2 juta untuk tahun 2016.

## PERTUMBUHAN ASET DAN DANA

Saya amat berbangga kerana dalam tahun 2017 menyaksikan KT telah berjaya melancarkan sistem teras baharu yang bakal menjadi tulang belakang kepada KT dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan kepada anggota. Selain itu, pelaburan dalam sistem teras ini amat penting untuk KT bersaing dalam pasaran yang kini kian terbuka.


Secara keseluruhan aset KT menguncup sedikit sebanyak 1.3% menjadi RM2.97 bilion daripada RM3.01 bilion pada tahun sebelum. ini adalah hasil daripada pematuhan ketat di bawah Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan usaha pengurusan kecairan KT dalam memastikan kos pembiayaan dan pendanaan di tahap yang minimum.

Ini jelas dapat dilihat dengan pengurangan mendadak sejumlah RM130 juta (79%) dalam aset tunai daripada RM164 juta pada akhir 2016 menjadi RM34 juta di penghujung 2017. Pada masa yang sama, pinjaman luar KT juga menurun menjadi RM285 juta iaitu RM192 juta kurang dari tahun 2016 (RM477 juta).

Aset KT dibiayai oleh dana yang terdiri daripada modal yuran dan syer anggota yang berjumlah RM1.422 bilion, dana rezab berjumlah RM879.2 juta, wang simpanan anggota berjumlah RM309.1 juta dan selebihnya daripada dana luar dan liabiliti-liabiliti lain.

## KEANGGOTAAN


Jelas sekali sokongan yang diberi oleh anggota KT sepanjang tahun 2017 masih mantap. Setelah sekian lama kewujudannya, KT terus mendapat naungan daripada anggota tentera seluruh negara dan ini terbukti dengan bilangan anggota yang tidak banyak berubah daripada tahun lepas. Keanggotaan KT berkurang sebanyak 210 orang daripada 155,143 orang anggota pada akhir tahun 2016 menjadi 154,933 orang pada akhir tahun 2017. Pengurangan ini terlalu kecil untuk menjejaskan keutuhan KT. Pecahan keanggotaan mengikut perkhidmatan adalah seperti berikut:



## PRODUK DAN PERKHIDMATAN

### Pembiayaan

Aktiviti Pembiayaan, pada separuh pertama tahun 2017 menunjukkan perkembangan yang agak memberangsangkan. Namun, pada separuh kedua, permintaan pembiayaan mula berkurang, akibat dari polisi pemotongan gaji yang lebih ketat oleh pihak kerajaan. Bagaimanapun, KT telah dapat juga mengeluarkan pembiayaan bersih berjumlah RM653 juta, RM347 juta kurang dari pencapaian tahun lepas.



### Insurans


KT sangat prihatin akan kepentingan anggotanya, secara khusus, dan juga anggota Angkatan Tentera Malaysia secara am. Ini terbukti dengan usaha KT terus mendapatkan dan menawarkan perkhidmatan insurans kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia. Bersama dengan syarikat-syarikat insurans dan takaful terkemuka di Malaysia, KT bertindak sebagai agen syarikat takaful dengan menawarkan produk insurans yang direka khusus untuk anggota ATM secara keseluruhan, iaitu:

1. Skim Takaful Berkelompok ATM (STBATM)
2. Skim Medik KT; dan,
3. Skim Takaful Perwira II (TPII)


Bilangan anggota ATM yang menyertai STBATM bertambah dalam tahun 2017 ke 166,421 peserta berbanding tahun 2016 (138,114 peserta), dengan bilangan pegangan unit juga bertambah dari 681,517 unit pada tahun 2016 kepada 827,743 unit pada tahun 2017.

Akan tetapi, kenaikan kadar premium oleh penanggung telah menyebabkan penurunan penyertaan untuk Medik KT seramai 1,528 peserta dari 26,712 (2016) ke 25,184 (2017).

Bagi skim TPII, KT telah pun menghentikan skim ini dan bilangan peserta sedia ada akan terus menurun tahun ke tahun. Ringkasan Skim-skim insurans KT adalah seperti berikut:



Skim-skim insurans ini, telah pun memanfaatkan anggota ATM yang menyertainya. Sepanjang tahun 2017 juga, pampasan yang telah dibayar bagi skim-skim SBTAM dan Medik KT adalah berjumlah RM20 juta dan RM14 juta.



# PENYATA PENGERUSI

## Ar-Rahnu

2017 merupakan tahun di mana perniagaan Ar Rahnu di KT menunjukkan pemulihan. Dari penurunan pendapatan sebanyak 13% untuk tahun sebelumnya, aktiviti pajak gadai Islam ini berjaya mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 8% yang mencecah RM2.6 juta dalam tahun 2017 berbanding RM2.4 juta pada tahun 2016. Ini terhasil dari berbagai usaha-usaha gigih kakitangan cawangan-cawangan berkenaan, mempertingkatkan kerja-kerja promosi, antaranya mengadakan pameran di sekitar kawasan cawangan Ar Rahnu dan di kem-kem yang berdekatan.

Tahun 2017 juga menyaksikan pasaran perkhidmatan Ar Rahnu diperluaskan di bumi Sabah dengan pembukaan cawangan KT di bandar Tawau.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Sepanjang 2017, KT telah mengagihkan RM1.6 juta bantuan kepada anggota yang memerlukan, sejajar dengan aspirasi KT yang sentiasa memementingkan kebajikan anggotanya. 4 ribu anggota telah mendapat manfaat bantuan pendidikan dan derma am, manakala RM496 ribu dalam bentuk khairat kematian telah diserahkan kepada waris anggota yang meninggal dunia sepanjang tahun 2017.

## PROSPEK 2018

Dengan kekangan yang timbul dari polisi-polisi pihak berkuasa dalam pemberian pembiayaan, 2018 dijangka akan memberi cabaran kepada KT dalam menjana pendapatan dari pasaran yang buat masa ini masih terhad kepada anggota KT sahaja. Menyedari ini, usaha-usaha telah pun bermula untuk KT mengembangkan pasaran pembiayaan ke sektor-sektor Koperasi dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

**RM546,950** > **3,264**  
**Tabung Pendidikan** **Bilangan Penerima**

**RM567,222** > **1,029**  
**Tabung Derma Am** **Bilangan Penerima**

**RM496,000** > **248**  
**Tabung Khairat Kematian** **Bilangan Penerima**

Tetapi, pengembangan pasaran ke sektor yang buat kali pertama diterokai oleh KT, memerlukan infrastruktur, kepakaran yang khusus, dan masa pembelajaran untuk menangani produk dan pelanggan yang baharu dan berbeza.

KT telah membuat penambahbaikan sistem terasnya yang merupakan tulang belakang dalam penilaian, pemprosesan dan pemantauan pelanggan-pelanggan perniagaan kecil dan sederhana. Kemahiran modal insan yang diperlukan, juga telah KT dapatkan dengan memperkasakan pengetahuan dan skil kakitangan sedia ada serta mendapatkan kemahiran dalam bidang perbankan dari luar.

Maka dengan itu, tahun 2018 dijangka akan menghasilkan prestasi yang sedikit hambar kerana KT masih dalam keluk pembelajaran untuk produk pembiayaan baharu, sedangkan permintaan untuk produk-produk sedia ada mengalami kelembapan.

Akan tetapi, Lembaga dan pengurusan KT sangat yakin bahawa kebolehan KT untuk kekal relevan dan terus menjana pulangan baik kepada anggotanya, tidak akan terjejas dengan ketara. Dengan keyakinan yang berdekad lamanya lahir dari sokongan padu dari anggota semua, tiada cabaran terlalu besar untuk KT tangani.





## AKHIR KATA

Bagi pihak Lembaga Koperasi, saya amat bersyukur kehadiran Illahi kerana telah melimpahkan nikmat dan rahmatnya ke atas KT selama kewujudannya hampir 6 dekad lamanya. Segala pencapaian KT selama ini tidak akan menjadi nyata tanpa sokongan dari anggota KT. Dan, kami tidak akan berhenti mengucapkan jutaan terima kasih kepada anggota KT, kerana terus memberi kepercayaan kepada barisan Lembaga Koperasi dan juga pihak pengurusan, serta semua warga kerja KT.

Kepada Anggota Lembaga yang bakal menamatkan tempoh perkhidmatan, diucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah meluangkan masa dan tenaga dalam memajukan KT selama ini. Anggota Lembaga yang akan tamat tempoh perkhidmatan masing-masing pada penggal ini iaitu Mej. Jen. Dato' Mardzuki bin Muhammad, Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abdul Rashid, Brig. Jen. Ahmad bin Abdul Rahman TUDM, Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh, Lt. Kol. Hj. Abdul Halim bin Mohd Noor, PWI Romzi bin Abdul Wahab, Encik Mustapha bin A Jalil dan saya sendiri.

Seterusnya, kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, kami berterima kasih atas sokongan, panduan, bimbingan dan kerjasama yang tidak ternilai diberikan kepada kami.

Akhir sekali, pihak Lembaga Koperasi ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas kegigihan yang telah ditunjuk oleh semua warga kerja Koperasi Tentera, dari pihak pengurusan hingga lah ke pegawai dan kerani yang telah bertungkus lumus sepanjang tahun 2017.

Syabas kepada semua.

Sekian, terima kasih.

**MEJ JEN DATO' ZULKIFLEE  
BIN MAZLAN (BERSARA)**  
Pengerusi



# TERJAMIN

Bagi memastikan kepentingan anggota dan organisasi sentiasa terjamin, KT membudayakan amalan tadbir urus korporat yang baik dan selari dengan amalan industri perbankan sejagat. Ia ditunjangi dengan pengurusan risiko yang efektif serta berpaksikan kepada nilai-nilai murni dan ketelitian dalam pelaksanaan.

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



KT sentiasa berusaha untuk berada di hadapan dan menjadi pendahulu dalam pergerakan koperasi. Realitinya, KT sangat komited untuk membina sebuah organisasi yang kukuh, stabil dan terjamin serta mampu menjanjikan masa hadapan yang lebih cerah kepada anggota.



**BRIG JEN DATO' HJ AHMAD ZAHUDI  
BIN HJ SALLEH (BERSARA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif



## Anggota Koperasi Tentera yang dihormati,

Saya ingin memulakan pernyataan ini dengan menzahirkan rasa syukur dan bangga di atas kejayaan KT yang berkembang menjadi satu jenama yang telah berdekad diyakini. KT kini menjadi sebuah organisasi yang mempunyai nilai warisan yang unik dengan asas kukuh yang terbina dari kejayaan-kejayaan masa lalu dan kecemerlangan yang dicipta dalam dekad ini. Dengan kedudukan ini, KT berada dalam keadaan yang kukuh untuk menjanjikan masa hadapan yang cerah untuk anggotanya.



### *Membina Masa Hadapan*

Organisasi yang hebat mencorak masa hadapannya sendiri. KT membangun dan memacu pertumbuhan secara telus dan professional serta turut belajar dari pengalaman silam. Hasilnya, KT berupaya melakar prestasi yang cemerlang secara berterusan. Kini, dengan perubahan persekitaran perniagaan yang ketara, landskap industri menjadi lebih mencabar dan persaingan menjadi semakin sengit. Justeru, kestabilan dan prestasi KT mungkin tergugat. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, KT perlu terus membuat pembaharuan dan berinovasi dengan melakukan perubahan strategik supaya boleh kekal relevan dan dapat membina masa hadapan yang lebih cerah dengan asas yang lebih kukuh, stabil dan terjamin.

Kekuatan operasi KT telah berjaya mencipta nilai yang hebat untuk hari ini. Keupayaan untuk berinovasi akan mampu untuk mempertahankan nilai hebat tersebut dan bakal mencipta nilai yang lebih hebat di masa akan datang. Inilah yang menjadi motivasi dan pemangkin kepada KT dalam mencipta dan merealisasikan masa hadapan KT untuk menjadi sebuah co-opbank yang kredibel dan disegani serta boleh memberi manfaat kepada anggota dan semua pihak yang berkepentingan.

Dalam laporan ini, anggota akan dapat melihat satu percaturan strategi yang menjadi nilai tersendiri yang memacu cara KT menjalankan perniagaan dan membina masa hadapannya. Secara tidak langsung, ia membuktikan kesungguhan dan komitmen KT dalam menjaga kepentingan anggota dan juga organisasi ini.

**RM342.8**  
**Juta**

**PENDAPATAN  
KASAR 2017**

**RM204.7**  
**Juta**

**KEUNTUNGAN  
SEBELUM CUKAI  
& ZAKAT 2017**

**RM307.7**  
**Juta**

**PENDAPATAN  
PEMBIAYAAN 2017**

**RM2.33**  
**Bilion**

**JUMLAH ASET  
PEMBIAYAAN 2017**

Ringkasan Kewangan 2017

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Organisasi ini adalah milik anggota, dan dengan sokongan padu anggota selama ini, KT telah berjaya merekodkan prestasi kewangan yang membanggakan secara konsisten dan berupaya memberi pulangan dividen dengan kadar 10% atau lebih sejak tahun 1995 yang nilai berkeseluruhannya berjumlah RM1.25 bilion. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini sahaja (2012 sehingga 2016), KT telah membayar dividen berjumlah kira-kira RM590 juta kepada anggota dan bagi tahun 2017, KT telah memperuntukkan sebanyak RM144 juta untuk bayaran dividen. Kecemerlangan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan berterusan daripada anggota.


## SOROTAN KEWANGAN

*Pencapaian Luar Biasa Untuk Tahun 2017, Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat Melebihi RM200 juta.*


Prestasi Kewangan tahun 2017 kekal kukuh buat KT. KT berjaya mencatatkan keputusan yang memberangsangkan walaupun berhadapan dengan saingan dan keadaan ekonomi yang mencabar. Kami amat bersyukur dengan pencapaian ini.

▶ Jumlah pendapatan kasar telah meningkat menjadi RM342.8 juta dalam tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 11.9% berbanding RM306.3 juta yang direkodkan dalam tahun 2016. Manakala keuntungan sebelum cukai dan zakat untuk tahun 2017 melepasi paras RM200 juta iaitu meningkat sebanyak 19.1% menjadi RM204.7 juta.


**Pendapatan Kasar  
(RM Juta)**




**Keuntungan Sebelum Cukai & Zakat  
(RM Juta)**



**Pendapatan Pembiayaan  
(RM Juta)**




**Jumlah Aset Pembiayaan  
(RM Bilion)**




▶ Aktiviti pembiayaan kekal stabil, dengan jumlah aset pembiayaan mencatatkan penurunan kecil sebanyak 0.5% menjadi RM2.33 bilion dalam tahun 2017 daripada RM2.34 bilion dalam tahun 2016. Namun begitu, jumlah simpanan anggota mencatatkan jumlah RM309.1 juta iaitu peningkatan sebanyak 3.3% daripada RM299.1 juta pada tahun sebelumnya.

▶ Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan kekal stabil dalam tahun 2017 di mana pendapatan daripada aktiviti pembiayaan mencatatkan peningkatan sebanyak 16.1% menjadi RM305.8 juta berbanding RM263.4 juta pada tahun sebelumnya.


**Simpanan Anggota  
(RM Juta)**




**Perbelanjaan Operasi  
(RM Juta)**



**Jumlah Aset  
(RM Bilion)**



**Jumlah Pinjaman Luar  
(RM Juta)**



Ringkasan Kewangan 2017

**RM309.1  
Juta**

**SIMPANAN  
ANGGOTA 2017**

**RM83.2  
Juta**

**PERBELANJAAN  
OPERASI 2017**

**RM2.97  
Bilion**

**JUMLAH  
ASET 2017**

**RM285.5  
Juta**

**JUMLAH PINJAMAN  
LUAR 2017**

▶ Dalam tahun 2017, perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 19.5% menjadi RM83.2 juta daripada RM69.6 juta pada 2016, disebabkan oleh pelaburan KT dalam pembangunan kompetensi dalaman, ICT dan infrastruktur operasi, serta tadbir urus korporat untuk membantu mempersiapkan KT untuk beroperasi sebagai sebuah co-opbank.

▶ Jumlah aset KT merosot sedikit iaitu sebanyak 1.3% menjadi RM2.97 bilion pada 2017 daripada RM3.01 bilion pada 2016 disebabkan oleh pematuhan yang lebih ketat di bawah Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan anggota memilih untuk meminjam daripada institusi kewangan lain berbanding KT yang dimiliki sepenuhnya oleh mereka.

▶ Dalam tempoh yang sama, KT mencatatkan penurunan yang ketara dalam pinjaman luar, dengan jumlah pinjaman luar sekarang berjumlah RM285.5 juta, penurunan sebanyak 40.2% daripada RM477.2 juta pada 2016.

Dari sudut agihan dividen, KT kekal membayar dividen pada kadar 10% seperti tahun-tahun sebelumnya dan mengekalkan purata nisbah pembayaran dividen sebanyak 68% daripada keuntungan bersih sebelum cukai dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## *Cabaran dan Fokus Penyelesaian*

Dengan cabaran-cabaran baharu yang terhasil daripada saingan yang sengit daripada institusi kewangan dan beberapa perubahan dasar di luar kawalan yang merubah persekitaran perniagaan, KT menjangkakan pasaran semasa akan terus lemah dan akan menjejaskan pendapatan KT dalam tahun-tahun ke hadapan terutamanya dalam tahun 2018 dan 2019. Dalam keadaan ini, KT akan kekal fokus dalam usaha untuk menjana pertumbuhan melalui perluasan pasaran dan penyediaan saluran perniagaan baharu. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan sokongan yang berterusan daripada anggota lebih-lebih lagi dalam situasi yang mencabar ini. KT menjangkakan situasi ini akan dapat dipulihkan selepas dua tahun menerokai pasaran baharu.

Visi KT ialah untuk mewujudkan sebuah organisasi yang mampan, kredibel dan disegani oleh semua pihak dalam jangka masa panjang. Sejak itu, KT telah melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi yang merangkumi penyediaan pelan perniagaan baharu, pembaharuan struktur, memperbaiki rangka kerja operasi, meningkatkan penyampaian perkhidmatan, memantapkan proses tadbir urus, meningkatkan pengurusan risiko kredit, melaksanakan sistem ICT baharu dan membangunkan sumber manusia bagi mendukung visi tersebut.

Walaupun KT masih belum beroperasi sebagai sebuah co-opbank, pelaburan transformasinya telah memberikan hasil yang positif. Ianya telah mewujudkan satu platform operasi yang mantap untuk KT berhadapan dengan pasaran yang lebih besar sebagai co-opbank serta menyediakan trajektori ke arah pertumbuhan seterusnya.

## *Kemajuan Dalam Proses Transformasi*

KT telah menerima kelulusan peringkat pertama dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menjadi co-opbank dalam tahun 2016 dan berharap akan mendapat kelulusan akhir dalam masa terdekat.

Dalam tahun 2017 juga, KT telah memohon kepada SKM untuk memperkenalkan segmen pembiayaan kepada pasaran bukan anggota seperti Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Koperasi dalam usaha untuk mengembangkan pasarnya. Alhamdulillah, permohonan ini telah berjaya mendapat kelulusan daripada pihak SKM dalam bulan April 2018.

Perjalanan transformasi KT kini sudah memasuki tahun ke-5 dan pelaburan yang dibuat sudah mula memberi manfaat. KT akan memanfaatkan pelaburan ini dengan terus melakukan inovasi yang boleh membuka nilai baharu. Pada masa yang sama, KT akan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu seperti pembiayaan berjangka, perkhidmatan Wasiat dan Hibah dan pembayaran bil dalam talian untuk anggota KT, koperasi-koperasi dan PKS serta lain-lain produk dan perkhidmatan mengikut keperluan.

## **KEMAJUAN, PENCAPAIAN DAN PENGHARGAAN**

### *Sekilas Pandang Perjalanan Transformasi*

KT telah mengumumkan rancangan transformasinya untuk menjadi co-opbank pada tahun 2012 dan banyak perkara yang telah berubah sejak KT memulakan perjalanan transformasi tersebut.







### *Pelancaran Sistem Perbankan Teras Baharu*

KT amat berbangga kerana telah berjaya mengambil satu langkah yang penting ke hadapan dalam pembangunan ICT di mana pada tahun 2013, KT telah memulakan inisiatif untuk membentuk semula infrastruktur teknologinya. Hasilnya, Sistem Perbankan Teras KT telah berjaya disiapkan dan diguna pakai mulai bulan April 2017. Sistem Perbankan Teras ini mempunyai modul keanggotaan, pembiayaan, perbendaharaan, pematuhan, pemuliharaan kredit dan modul-modul lain yang diperlukan oleh operasi KT. KT juga telah berjaya menaik taraf sistem perakaunan (SAP), sistem Insurans dan Sistem Pengurusan Sumber Manusia.

Kesediaan ini telah membuktikan bahawa KT telah berjaya meningkatkan keupayaannya ke tahap yang setara dengan penanda aras industri dan bersedia untuk meneroka pasaran luar dengan lebih berkesan. Sistem ini juga menjadikan KT lebih berdaya saing dalam industri perkhidmatan kewangan di mana penggunaan teknologi digital semakin meluas.

KT akan terus mengoptimalkan penggunaan ICT, sistem pengurusan maklumat dan platform digital ini untuk memudahkan proses dan memperkasakan perkhidmatan KT. Pada 2018, KT menyasarkan untuk melancarkan Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih. Melalui Sistem Perbankan Teras ini, KT akan meletakkan diri setanding dengan institusi kewangan yang lain dan bersedia untuk meneroka produk dan perkhidmatan digital yang lain bagi memenuhi keperluan anggota serta segmen pelanggan baru dengan lebih baik.

## **425** KAKITANGAN SEPENUH MASA



### *KT proaktif membangunkan bakat dan pemimpin masa hadapan*

Dalam industri di mana modal insan merupakan aset yang paling penting, memperkukuhkan pasukan KT merupakan kunci kejayaan kami. Agenda Sumber Manusia KT ialah menjadikan KT sebuah organisasi yang bersedia menghadapi masa hadapan dan membangunkan pasukan yang berprestasi tinggi. KT telah memulakan beberapa inisiatif strategik pembangunan modal insan dalam memenuhi visi KT untuk menjadi co-opbank pilihan. Ini termasuk pelaksanaan program latihan siswazah dan rangka kerja perancangan dan pengurusan penggantian.

Kakitangan sepenuh masa KT kini berjumlah 425 orang berbanding 406 orang pada tahun sebelumnya. KT telah mengisi beberapa jawatan penting dalam bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Audit Dalaman, Kewangan dan Perbendaharaan menjadikan KT sudah bersedia untuk beroperasi sebagai co-opbank.

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**24**  
CAWANGAN



**ANUGERAH DAN  
PENGIKTIRAFAN  
DALAM TAHUN  
2017**

*KT telah memperluaskan jangkauannya dan mempunyai 24 cawangan di seluruh negara*

Perkhidmatan pelanggan tetap menjadi fokus dan sumber kejayaan KT. Pada 2017 KT terus melaksanakan pelan pengembangannya.

Dalam tahun 2018, KT telah melancarkan cawangan baharu di Tawau, Sabah dan ini telah menjadikan jumlah cawangan KT di seluruh negara berjumlah 24 buah dan ini tidak termasuk ibu pejabat KT yang berpusat di Kuala Lumpur. Cawangan KT berfungsi sebagai barisan hadapan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota KT serta membantu KT mendekati segmen pelanggan baharu nanti.

Pada bulan Ogos 2017, KT juga berjaya melancarkan Pusat Panggilan di Wangsa Maju bagi memperluaskan saluran perkhidmatan pelanggan kami.

## **Anugerah Dan Pengiktirafan Dalam Tahun 2017**

Pencapaian dan usaha KT selama ini telah diiktiraf. KT telah menduduki tempat ke-3 teratas dalam senarai 100 koperasi terbaik di Malaysia yang dikeluarkan oleh SKM. Kedudukan ini amat membanggakan KT memandangkan ini merupakan tahun kedua KT berada di kedudukan tersebut sejak tahun 2016.

KT turut diberikan anugerah Profil Koperasi Terbaik 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan” oleh SKM Cawangan Wilayah Persekutuan sebagai pengiktirafan di atas mutu pengurusan, prestasi kewangan dan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi.

## **TADBIR URUS KORPORAT DAN PENGURUSAN RISIKO**

### *Tumpuan Terhadap Tadbir Urus Korporat*

KT menyedari bahawa pengurusan kewangan yang berdisiplin, tadbir urus korporat yang baik serta pematuhan kepada prinsip-prinsip dan piawaian sejagat amat penting dalam memastikan organisasi ini beroperasi di atas landasan yang betul dan efektif. Oleh itu, Anggota Lembaga dan Pengurusan sentiasa komited dalam memastikan KT ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusan dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

KT secara berterusan menaik taraf struktur dan kawalan tadbir urusnya dengan memberi fokus yang khusus kepada penambahbaikan prosedur berkaitan pengurusan risiko dan pematuhan. Dalam tahun 2017, KT telah membangunkan Rangka Kerja dan Polisi Pematuhan yang menjadi panduan dan rujukan semua kakitangan KT terhadap keperluan pengawalseliaan dan pematuhan ketika menjalankan operasi urus niaga di KT.

KT juga telah merangka dan menyediakan Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) sebagai panduan apabila berlaku bencana bagi memulihkan gangguan operasi perniagaan seberapa segera. Dengan demikian, perkhidmatan kepada anggota dan pelanggan dapat diteruskan di samping dapat mengurangkan risiko kerugian kewangan dan reputasi KT. Beberapa siri taklimat dan latihan simulasi situasi krisis telah diadakan pada tahun 2017.

### *Penambahbaikan Pengurusan Risiko*

Sebagai sebuah koperasi kredit, KT turut terjejas oleh pelbagai risiko dan ketidakpastian. Hampir setiap aspek perniagaan menuntut penilaian yang baik dan komitmen untuk mengambil tindakan yang terbaik untuk organisasi, pelanggan dan pihak berkepentingan KT. Kerangka Kerja Pengurusan Risiko yang ada adalah kritikal kepada keupayaan KT untuk menguruskan risiko, mengendalikan perniagaan dengan cekap dan berkembang dengan penuh tanggungjawab.

Selari dengan pertumbuhan dan perubahan persekitaran perniagaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, KT terus menyemak sejauh mana kerangka kerja pengurusan risiko sedia ada dapat memenuhi keperluan dan memudahcarakan penilaian proaktif bagi risiko yang timbul. Selain itu, KT juga telah mengemaskini daftar risiko yang mengandungi huraian dan penilaian terperinci mengenai semua risiko KT serta kawalan dan pelan tindakan untuk mengawal dan mengurangkan risiko tersebut.

Melangkah ke hadapan, bagi memastikan KT bersedia untuk melakukan perniagaan dengan bukan anggota seperti PKS dan koperasi, Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan KT akan menilai risiko dan memastikan bahawa kawalan yang ada memadai untuk mengurangkan risiko yang telah dikenal pasti, mengenal pasti amalan terbaik dan mengesyorkan peluang penambahbaikan.

## **MELANGKAH KE HADAPAN**

### *Masa Hadapan Memberikan Cabaran dan Peluang*

Memandang ke hadapan, KT menjangkakan persekitaran operasi yang sukar ini akan berterusan sehingga tahun 2018 dan seterusnya. KT melihat pelaksanaan dasar Kerajaan berkaitan pembayaran gaji bersih pekerja sektor awam, perubahan dalam dasar perakaunan sejagat dan persaingan sengit dengan bank komersial yang lain akan menjejaskan prestasi KT. Justeru, KT akan memberikan fokus kepada strategi-strategi berikut:

- Meningkatkan daya tahan dan daya saing KT dengan membangunkan tahap kompetensi (kepakaran dan kemahiran), kecekapan operasi dan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital;
- Menjana pertumbuhan melalui inovasi produk dan perkhidmatan serta membuka pasaran dan saluran baharu;
- Memperkukuhkan keberkesanan pengurusan kewangan dan agihan sumber.



**MEMPERBAIKI**



**PROSES**



**MEMODENKAN**

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya berharap agar strategi-strategi yang telah dirancang ini akan dapat mempertahankan kedudukan KT dalam persekitaran operasi yang semakin mencabar ini. KT dijangka akan dapat mengatasi cabaran-cabaran yang getir ini dalam tempoh tiga hingga lima tahun beroperasi sebagai sebuah co-opbank kelak.

Masa hadapan sentiasa menjanjikan cabaran dan peluang untuk KT, yang penting ia perlu dilihat dari sudut yang positif. Justeru, KT akan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi bagi memastikan KT akan menjadi sebuah organisasi yang mampan dan berdaya saing.

Aspirasi KT ialah untuk menjadi sebuah organisasi yang kredibel dan boleh dicontohi serta boleh merubah landskap koperasi kredit di Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Saya yakin satu hari nanti KT akan menjadi sebuah organisasi yang lebih kukuh dan cemerlang serta boleh dibanggakan oleh anggota dan pergerakan koperasi.



## PENUTUP

Di kesempatan ini, izinkan saya berkongsi aspirasi yang saya ambil dari Steve Jobs, pengasas Apple Computer, yang boleh dikatakan sebagai salah seorang inovator luar biasa pada zaman ini.

Beliau pernah berkata “Inovasi membezakan antara seorang pemimpin dan seorang pengikut” dan “*Dream Bigger*”. Inilah yang menjadi perangsang untuk KT merealisasikan aspirasinya.

KT membayangkan masa hadapan yang lebih gemilang dan telah menetapkan untuk menjadi sebuah co-opbank yang kredibel dan disegani. Justeru, KT telah memulakan inovasi dan mengubah strategi permainan yang membolehkan KT bergerak lebih ke hadapan daripada pemain lain dalam industri. KT sentiasa berusaha untuk berada di hadapan dan menjadi pendahulu dalam pergerakan koperasi. Realitinya, KT sangat komited untuk membina sebuah organisasi yang kukuh, stabil dan terjamin serta mampu menjanjikan masa hadapan yang lebih cerah kepada anggota dan semua pihak yang berkepentingan dengan KT.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota kerana memberi peluang kepada KT untuk terus berkhidmat dan membina masa hadapan bersama. Saya juga berterima kasih kepada Dato’ Pengerusi dan Ahli Lembaga Koperasi yang sentiasa memberi kepercayaan dan sokongan padu kepada saya dan tim pengurusan KT. Terima kasih khusus kepada warga kerja KT yang sentiasa berusaha gigih memastikan kelancaran operasi serta bersama-sama saya dalam mengharungi cabaran transformasi ini.

---

**Steve Jobs pernah berkata “Inovasi membezakan antara seorang pemimpin dan seorang pengikut” dan “*Dream Bigger*”. Inilah yang menjadi perangsang untuk KT merealisasikan aspirasinya.**

---






Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Dipertua dan Naib-naib Yang Dipertua di atas sokongan dan dorongan yang berterusan kepada KT. Tidak saya lupakan ucapan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas nasihat dan panduan mereka serta sentiasa memberi peluang kepada KT untuk turut serta dalam pelbagai forum yang dianjurkan oleh SKM.

Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa dan membulatkan tekad untuk merealisasikan aspirasi murni ini bagi menjadikan KT sebuah organisasi yang professional, berprestasi tinggi dan disegani semua.

Wassalam.

**BRIG JEN DATO' AHMAD ZAHUDI BIN HJ SALLEH (BERSARA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif



# PENYATA KEWANGAN BERKANUN

KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

**52-54**

Laporan Berkanun  
Lembaga

---

**55**

Akuan Berkanun

---

**56-59**

Laporan Juruaudit  
Bebas

---

**60**

Penyata Kedudukan  
Kewangan Disatukan

---

**61**

Penyata Kedudukan  
Kewangan

---

**62-63**

Penyata Untung atau  
Rugi dan Pendapatan  
Komprensif Lain

---

**64-67**

Penyata Perubahan  
Dalam Ekuiti yang  
Disatukan

---

**68-69**

Penyata Perubahan  
dalam Ekuiti

---

**70-71**

Penyata Aliran Tunai

---

**72-164**

Nota-Nota Penyata  
Kewangan

---

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

Lembaga Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (“Koperasi”) dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

## KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi ialah dalam bidang-bidang pembiayaan, pelaburan dan agen insuran. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 8(i) kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan utama Koperasi dan subsidiarinya sepanjang tahun kewangan ini.

## KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Koperasi RM
Untung sebelum cukai dan zakat	209,641,231	204,729,359
Cukai pendapatan	(1,138,520)	688,327
Zakat	(1,340,000)	(1,340,000)
Untung selepas cukai dan zakat	207,162,711	204,077,686
Pembahagian berkanun	(53,182,340)	(53,182,340)
Keuntungan bagi tahun kewangan	153,980,371	150,895,346
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	2,190	(1,358)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	153,982,561	150,893,988

Pada pendapat Lembaga, keputusan operasi Kumpulan dan Koperasi bagi tempoh kewangan semasa adalah tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa.

Kerangka MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) adalah sepenuhnya mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) merangkumi piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (“IASB”) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN DANA LAIN

Tiada pindahan yang ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali sepertimana yang dinyatakan dan ditunjukkan di dalam penyata kewangan.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## DIVIDEN

Dalam tahun kewangan ini, Koperasi telah membayar 10% dividen atas modal saham dan yuran berjumlah RM126.3 juta daripada keuntungan tahun kewangan 31 Disember 2016.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen tunai akhir bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017 sebanyak 10% berjumlah RM144.0 juta atas modal saham dan yuran akan dicadangkan untuk mendapat kelulusan daripada anggota Koperasi. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh anggota Koperasi, akan diambil kira di dalam ekuiti sebagai agihan daripada perolehan tertahan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 kelak.

## HONORARIUM

Dalam tahun kewangan ini, Koperasi telah membuat peruntukan honorarium sebanyak RM450,000 bagi tahun kewangan 31 Disember 2017 seperti yang dinyatakan di dalam Nota 16 dan 26 kepada penyata kewangan.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, honorarium akan dicadangkan untuk mendapat kelulusan anggota Koperasi. Honorarium tersebut, sekiranya diluluskan oleh anggota Koperasi, perlu mendapat kelulusan selanjutnya daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum pembayaran boleh dibuat.

## ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Anggota Lembaga Koperasi yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini adalah:

Mej. Jen. Dato' Zulkiflee bin Mazlan (B)  
Lt. Kol. Hamidi bin Achin  
En. Mustapha bin A Jalil  
Lt. Kol. Hj. Abdul Halim bin Mohd Noor  
Brig. Jen. Dato' Hj. Abdul Hadi bin Md Sharif  
Kol. Hj. Abdul Kadir bin Mohd Ali  
Lt. Kol. Rozi binti Abbas  
PWI Romzi bin Abd Wahab  
PWI (YOS) Noor Afzan binti Mansor  
Tn. Hj. Hafizi bin Abdul Mutolif  
En. Mohammad Fazilla bin Halim  
Mej. Jen. Dato' Mardzuki bin Muhammad (dilantik pada 30.07.2017)  
Laksamana Muda Dato' Azhari bin Abdul Rashid (dilantik pada 30.07.2017)  
Brig. Jen. Ahmad bin Abd Rahman TUDM (dilantik pada 30.07.2017)  
En. Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (dilantik pada 30.07.2017)  
Lt. Jen. Dato' Suhaimi bin Hj. Mohd Zuki (bersara pada 30.07.2017)  
Laksamana Muda Dato' Anuar bin Mad Said (bersara pada 30.07.2017)  
Mej. Jen. Dato' Ahmad Tarmizi bin Elias TUDM (bersara pada 30.07.2017)  
Pn. Siti Normah binti Abdul Aziz (bersara pada 30.07.2017)

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAIN – LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Pada tarikh laporan ini, Lembaga berpendapat tiada sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Koperasi sedia ada mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (b) Pada tarikh laporan ini, tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Koperasi memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya.
- (c) Pada pendapat Lembaga:
- (i) sebarang aset yang nilainya tidak mungkin direalisasi seperti yang tertera di dalam rekod perakaunan Koperasi dan subsidiari – subsidiarinya dalam perjalanan perniagaan yang biasa, telah dikurangkan nilai kepada jumlah yang dijangka boleh diperoleh.
  - (ii) tiada perkara, urusan niaga atau kejadian yang bersifat material dan luar biasa telah timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan hasil operasi Kumpulan dan Koperasi dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Kami, bagi pihak Lembaga mengisytiharkan bahawa selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, kami tidak mengetahui sebarang perkara yang perlu dinyatakan menurut Akta Koperasi, 1993.

**Mej. Jen. Dato' Zulkiflee bin Mazlan (B)**  
Pengerusi

**Lt. Kol. Hamidi bin Achin**  
Naib Pengerusi

**Mustapha bin A Jalil**  
Setiausaha

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan  
21 April 2018

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## AKUAN BERKANUN

Saya, Lt. Kol. Hj. Abdul Halim bin Mohd Noor, selaku Bendahari Kehormat Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 60 hingga 164 adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 21 April 2018.



Lt. Kol. Hj. Abdul Halim bin Mohd Noor

Di hadapan saya,



Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD (Diperbadankan di Malaysia)

### Laporan Penyata Kewangan

#### *Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 Kumpulan dan Koperasi, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk rumusan dasar-dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 60 hingga 164.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2017, dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

#### *Asas bagi Pendapat*

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

#### *Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika*

Kami bebas daripada Kumpulan dan Koperasi selaras dengan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

#### *Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya*

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dan laporan juruaudit kami yang dilampirkan.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain adalah tidak konsisten dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan salah nyata.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD (bersambung) (Diperbadankan di Malaysia)

### *Tanggungjawab Ahli Lembaga terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Ahli Lembaga yang diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan penggunaan dasar perakaunan yang berterusan melainkan jika Ahli Lembaga bercadang untuk membubarkan Kumpulan atau Koperasi atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi berbuat demikian.

Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Kumpulan dan Koperasi.

### *Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif kami adalah untuk mendapatkan kepastian yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhan bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, ia dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan kolusi, pemalsuan, peninggalan yang sengaja, salah nyata, atau penolakan kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merancang prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli Lembaga.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD (bersambung) (Diperbadankan di Malaysia)

### *Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan (bersambung)*

- Menyimpulkan mengenai kesesuaian penggunaan Ahli Lembaga terhadap dasar perakaunan berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan atau Koperasi itu untuk terus sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Kumpulan atau Koperasi berhenti sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi mewakili urusan niaga dan peristiwa sandaran dengan cara untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli Lembaga mengenai hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

### *Laporan Keperluan Perundangan dan Peraturan*

Selaras dengan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 di Malaysia, dan peraturan dan undang-undang kecil Koperasi.
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dalam semua aspek material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar perakaunan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD (bersambung) (Diperbadankan di Malaysia)

### *Lain-lain perkara*

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Koperasi, sebagai badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tidak ada tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain untuk kandungan laporan ini.



Ernst & Young

AF: 0039

Akauntan Bertauliah



**Dato' Megat Iskandar Shah bin Mohamad Nor**

No. 03083/07/2019 J

No. SKM(B)0500

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

21 April 2018

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan di dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN Pada 31 Disember 2017

Kumpulan	Nota	Pada 2017 RM	Pada 2016 RM
<b>Aset</b>			
Baki tunai dan bank	3	40,038,459	169,717,745
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	4	329,494,260	254,346,875
Pelaburan kewangan	5	32,719,755	33,399,430
Pembiayaan dan pendahuluan	6	2,327,487,334	2,338,852,018
Aset-aset lain	7	39,458,445	41,979,367
Cukai boleh diperolehi semula		8,905,455	4,989,676
Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia		15,172,695	15,172,695
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	9	26,382,347	20,040,375
Hartanah dan peralatan	10	86,274,141	74,351,394
Perisian komputer	11	67,182,106	67,607,210
Pelaburan hartanah	12	5,013,367	5,013,367
Aset cukai tertunda	13	27,913,591	23,454,051
<b>Jumlah aset</b>		<b>3,006,041,955</b>	<b>3,048,924,203</b>
<b>Liabiliti</b>			
Simpanan anggota	14	309,148,287	299,140,125
Pinjaman	15	285,455,246	477,168,144
Liabiliti-liabiliti lain	16	72,653,905	81,398,376
Peruntukan manfaat persaraan	17	4,679,520	4,431,276
Liabiliti kontrak insurans	18	21,768,000	20,871,302
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>693,704,958</b>	<b>883,009,223</b>
<b>Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti Koperasi</b>			
Modal saham	19	16,068,200	16,209,896
Modal yuran	20	1,406,012,748	1,332,474,660
Kumpulan wang rizab berkanun		498,130,836	453,090,377
Rizab-rizab lain	21	240,392,041	236,535,799
Perolehan tertahan		146,659,913	122,919,039
		<b>2,307,263,738</b>	<b>2,161,229,771</b>
Kepentingan tidak dikawal		5,073,259	4,685,209
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>2,312,336,997</b>	<b>2,165,914,980</b>
<b>Jumlah liabiliti dan ekuiti</b>		<b>3,006,041,955</b>	<b>3,048,924,203</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN Pada 31 Disember 2017

Koperasi	Nota	Pada 2017 RM	Pada 2016 RM
<b>Aset</b>			
Baki tunai dan bank	3	33,542,791	163,976,980
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	4	318,630,327	243,154,140
Pelaburan kewangan	5	1,451,948	3,519,556
Pembiayaan dan pendahuluan	6	2,327,487,334	2,338,852,018
Aset-aset lain	7	11,268,820	7,130,747
Cukai boleh diperolehi semula		8,728,999	4,902,954
Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia		15,172,695	15,172,695
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	8	38,491,284	38,491,284
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	9	29,610,114	24,208,101
Hartanah dan peralatan	10	85,188,992	73,308,535
Perisian komputer	11	67,182,106	67,607,210
Pelaburan hartanah	12	5,013,367	5,013,367
Aset cukai tertunda	13	27,913,591	23,454,051
<b>Jumlah aset</b>		<b>2,969,682,368</b>	<b>3,008,791,638</b>
<b>Liabiliti</b>			
Simpanan anggota	14	309,148,287	299,140,125
Pinjaman	15	285,455,246	477,168,144
Liabiliti-liabiliti lain	16	47,323,537	49,206,457
Peruntukan manfaat persaraan	17	4,679,520	4,431,276
Liabiliti kontrak insurans	18	21,768,000	20,871,302
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>668,374,590</b>	<b>850,817,304</b>
<b>Ekuiti untuk pemegang- pemegang ekuiti Koperasi</b>			
Modal saham	19	16,068,200	16,209,896
Modal yuran	20	1,406,012,748	1,332,474,660
Kumpulan wang rizab berkanun		498,130,836	453,090,377
Rizab-rizab lain	21	241,811,083	237,958,389
Perolehan tertahan		139,284,911	118,241,012
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>2,301,307,778</b>	<b>2,157,974,334</b>
<b>Jumlah liabiliti dan ekuiti</b>		<b>2,969,682,368</b>	<b>3,008,791,638</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

	Nota	Kumpulan		Koperasi	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Pendapatan	22	<b>320,032,462</b>	280,411,776	<b>319,297,213</b>	279,806,774
Kos kewangan	23	<b>(29,690,099)</b>	(35,616,001)	<b>(29,690,099)</b>	(35,616,001)
Pendapatan bersih selepas kos kewangan		<b>290,342,363</b>	244,795,775	<b>289,607,114</b>	244,190,773
Pendapatan operasi lain	24	<b>37,948,605</b>	35,927,393	<b>23,549,719</b>	26,485,672
Pendapatan bersih		<b>328,290,968</b>	280,723,168	<b>313,156,833</b>	270,676,445
Perbelanjaan operasi	25	<b>(90,710,873)</b>	(85,578,544)	<b>(83,198,187)</b>	(69,630,042)
		<b>237,580,095</b>	195,144,624	<b>229,958,646</b>	201,046,403
Peruntukan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan	28	<b>(25,229,287)</b>	(29,203,966)	<b>(25,229,287)</b>	(29,203,966)
		<b>212,350,808</b>	165,940,658	<b>204,729,359</b>	171,842,437
Bahagian kerugian syarikat-syarikat bersekutu		<b>(2,709,577)</b>	(4,886,686)	-	-
Untung sebelum cukai dan zakat		<b>209,641,231</b>	161,053,972	<b>204,729,359</b>	171,842,437
Cukai pendapatan	29	<b>(1,138,520)</b>	19,021,524	<b>688,327</b>	20,679,436
Zakat		<b>(1,340,000)</b>	(1,150,000)	<b>(1,340,000)</b>	(1,150,000)
Untung selepas cukai dan zakat		<b>207,162,711</b>	178,925,496	<b>204,077,686</b>	191,371,873
Pembahagian berkanun:					
Kumpulan Wang Rizab Berkanun (22%)		<b>(45,040,459)</b>	(37,805,336)	<b>(45,040,459)</b>	(37,805,336)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		<b>(4,094,587)</b>	(3,436,849)	<b>(4,094,587)</b>	(3,436,849)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		<b>(2,047,294)</b>	(1,718,424)	<b>(2,047,294)</b>	(1,718,424)
Pembahagian lain:					
Skim khairat kematian		<b>(600,000)</b>	(600,000)	<b>(600,000)</b>	(600,000)
Tabung dermasiswa		<b>(800,000)</b>	(800,000)	<b>(800,000)</b>	(800,000)
Sumbangan am		<b>(600,000)</b>	(600,000)	<b>(600,000)</b>	(600,000)
		<b>(53,182,340)</b>	(44,960,609)	<b>(53,182,340)</b>	(44,960,609)
Keuntungan bagi tahun kewangan		<b>153,980,371</b>	133,964,887	<b>150,895,346</b>	146,411,264
Diagihkan kepada:					
Ahli-ahli Koperasi		<b>153,592,321</b>	133,526,440		
Kepentingan tidak dikawal		<b>388,050</b>	438,447		
		<b>153,980,371</b>	133,964,887		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

Nota	Kumpulan		Koperasi	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Keuntungan bagi tahun kewangan	<b>153,980,371</b>	133,964,887	<b>150,895,346</b>	146,411,264
Pendapatan komprehensif lain:				
<i>Perkara-perkara yang mungkin akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:</i>				
Pendapatan/(kerugian) bersih atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	<b>2,190</b>	(125,750)	<b>(1,358)</b>	(132,696)
Keuntungan bersih atas rizab penilaian semula hartanah dan peralatan	-	20,321,438	-	20,321,438
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	<b>2,190</b>	20,195,688	<b>(1,358)</b>	20,188,742
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	<b>153,982,561</b>	154,160,575	<b>150,893,988</b>	166,600,006

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Kumpulan	← Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi →		← Boleh diagihkan →		Perolehan tertahan RM	Jumlah RM	Kepentingan tidak dikawal RM	Jumlah ekuiti RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM				
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	16,209,896	1,332,474,660	453,090,377	236,535,799	122,919,039	2,161,229,771	4,685,209	2,165,914,980
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	206,774,661	206,774,661	388,050	207,162,711
Pembahagian berkanun: Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(45,040,459)	(45,040,459)	-	(45,040,459)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(4,094,587)	(4,094,587)	-	(4,094,587)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(2,047,294)	(2,047,294)	-	(2,047,294)
Pembahagian lain: Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	-	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)	-	(800,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	-	(600,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	153,592,321	153,592,321	388,050	153,980,371
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	2,190	-	2,190	-	2,190
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	-	-	2,190	153,592,321	153,594,511	388,050	153,982,561



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

Kumpulan	← Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi →		← Tidak boleh diagihkan →		← Boleh diagihkan →		Jumlah ekuiti RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Kepentingan tidak dikawal RM	
Tambahan modal saham	786,800	148,483,348	-	-	-	-	149,270,148
Pengurangan modal saham	(928,496)	(74,945,260)	-	-	-	-	(75,873,756)
Pindahan dari perolehan tertahan	-	-	45,040,459	5,566,524	-	-	50,606,983
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota i)	-	-	-	-	(3,566,524)	-	(3,566,524)
Pelupusan tahun semasa	-	-	-	(102,300)	-	-	(102,300)
Bayaran dividen	-	-	-	-	(126,284,923)	-	(126,284,923)
Pengagihan kepada ahli-ahli	-	-	-	(1,610,172)	-	-	(1,610,172)
Urus niaga dengan ahli-ahli	(141,696)	73,538,088	-	3,854,052	(129,851,447)	-	(52,601,003)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	45,040,459	-	-	-	45,040,459
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>16,068,200</b>	<b>1,406,012,748</b>	<b>498,130,836</b>	<b>240,392,041</b>	<b>146,659,913</b>	<b>5,073,259</b>	<b>2,312,336,997</b>

### Nota i

Pengkiraan lebihan penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

	← Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi →		← Boleh diagihkan →		← Boleh diagihkan →			
	Tidak boleh diagihkan		diagihkan		Perolehan tertahan		Jumlah ekuiti	
Modal saham	Modal yuran	Rizab berkanun	Rizab-rizab lain	Perolehan tertahan	Jumlah	Kepentingan tidak dikawal	Jumlah ekuiti	
RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
<b>Kumpulan</b>								
<b>Pada 1 Januari 2016</b>	16,186,054	1,229,555,437	415,285,041	215,875,295	112,031,986	1,988,933,813	4,246,762	1,993,180,575
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	178,487,049	178,487,049	438,447	178,925,496
Pembahagian berkanun:								
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(37,805,336)	(37,805,336)	-	(37,805,336)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,436,849)	(3,436,849)	-	(3,436,849)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,718,424)	(1,718,424)	-	(1,718,424)
Pembahagian lain:								
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	-	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)	-	(800,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	-	(600,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	133,526,440	133,526,440	438,447	133,964,887
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	20,195,688	-	20,195,688	-	20,195,688
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	-	-	20,195,688	133,526,440	153,722,128	438,447	154,160,575

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

Kumpulan	← Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi →		← Tidak boleh diagihkan →		← Boleh diagihkan →		Jumlah ekuiti RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Kepentingan tidak dikawal RM	
Tambahan modal saham	787,000	160,494,995	-	-	-	-	161,281,995
Pengurangan modal saham	(763,158)	(57,575,772)	-	-	-	-	(58,338,930)
Pindahan dari perolehan tertahan	-	-	37,805,336	1,996,269	-	-	39,801,605
Bayaran dividen	-	-	-	-	(122,639,387)	-	(122,639,387)
Pengagihan kepada ahli-ahli	-	-	-	(1,531,453)	-	-	(1,531,453)
Urus niaga dengan ahli-ahli	23,842	102,919,223	-	464,816	(122,639,387)	-	(19,231,506)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	37,805,336	-	-	-	37,805,336
<b>Pada 31 Disember 2016</b>	<b>16,209,896</b>	<b>1,332,474,660</b>	<b>453,090,377</b>	<b>236,535,799</b>	<b>122,919,039</b>	<b>4,685,209</b>	<b>2,165,914,980</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Koperasi	← Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi →				Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM		
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	16,209,896	1,332,474,660	453,090,377	237,958,389	118,241,012	2,157,974,334
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	204,077,686	204,077,686
Pembahagian berkanun:						
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(45,040,459)	(45,040,459)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(4,094,587)	(4,094,587)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(2,047,294)	(2,047,294)
Pembahagian lain:						
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	150,895,346	150,895,346
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(1,358)	-	(1,358)
<b>Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	-	-	(1,358)	150,895,346	150,893,988
Tambahan modal saham	786,800	148,483,348	-	-	-	149,270,148
Pengurangan modal saham	(928,496)	(74,945,260)	-	-	-	(75,873,756)
Pindahan dari perolehan tertahan	-	-	45,040,459	5,566,524	-	50,606,983
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota i)	-	-	-	-	(3,566,524)	(3,566,524)
Pelupusan tahun semasa	-	-	-	(102,300)	-	(102,300)
Bayaran dividen	-	-	-	-	(126,284,923)	(126,284,923)
Pengagihan kepada ahli-ahli	-	-	-	(1,610,172)	-	(1,610,172)
Urus niaga dengan ahli-ahli	(141,696)	73,538,088	-	3,854,052	(129,851,447)	(52,601,003)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	45,040,459	-	-	45,040,459
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>16,068,200</b>	<b>1,406,012,748</b>	<b>498,130,836</b>	<b>241,811,083</b>	<b>139,284,911</b>	<b>2,301,307,778</b>

### Nota i

Pengiktirafan lebih penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

Koperasi	←———— Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi —————→				Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM		
<b>Pada 1 Januari 2016</b>	16,186,054	1,229,555,437	415,285,041	217,301,100	94,469,135	1,972,796,767
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	191,371,873	191,371,873
Pembahagian berkanun:						
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(37,805,336)	(37,805,336)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,436,849)	(3,436,849)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,718,424)	(1,718,424)
Pembahagian lain:						
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	146,411,264	146,411,264
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	20,188,742	-	20,188,742
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	-	-	20,188,742	146,411,264	166,600,006
Tambahan modal saham	787,000	160,494,995	-	-	-	161,281,995
Pengurangan modal saham	(763,158)	(57,575,772)	-	-	-	(58,338,930)
Pindahan dari perolehan tertahan	-	-	37,805,336	2,000,000	-	39,805,336
Bayaran dividen	-	-	-	-	(122,639,387)	(122,639,387)
Pengagihan kepada ahli-ahli	-	-	-	(1,531,453)	-	(1,531,453)
Urus niaga dengan ahli-ahli	23,842	102,919,223	-	468,547	(122,639,387)	(19,227,775)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	37,805,336	-	-	37,805,336
<b>Pada 31 Disember 2016</b>	<b>16,209,896</b>	<b>1,332,474,660</b>	<b>453,090,377</b>	<b>237,958,389</b>	<b>118,241,012</b>	<b>2,157,974,334</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

	Kumpulan		Koperasi	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>				
Untung sebelum cukai dan zakat	<b>209,641,231</b>	161,053,972	<b>204,729,359</b>	171,842,437
Pelarasan untuk:				
(Keuntungan)/kerugian daripada jualan hartanah dan peralatan	<b>(134,097)</b>	150,901	<b>(76,250)</b>	150,901
Hapuskira aset	-	89	-	-
Perubahan dalam nilai saksama aset	-	(631,871)	-	(631,871)
Peruntukan rosot nilai pelaburan syarikat-syarikat bersekutu	-	6,075,831	<b>5,097,987</b>	6,075,832
Bahagian kerugian syarikat-syarikat bersekutu	<b>2,709,577</b>	4,886,686	-	-
Liabiliti kontrak insurans	<b>(6,110,057)</b>	(6,968,543)	<b>(6,110,057)</b>	(6,968,543)
Peruntukan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan	<b>2,827,086</b>	29,203,966	<b>2,827,086</b>	29,203,966
Hapuskira pembiayaan	<b>32,140,487</b>	18,432,706	<b>32,140,487</b>	18,432,706
Peruntukan rosot nilai pelaburan kewangan	<b>30,000</b>	32,344	<b>30,000</b>	-
Peruntukan manfaat persaraan	<b>512,123</b>	499,882	<b>512,123</b>	499,882
Keuntungan atas penilaian semula aset tersedia untuk dijual	<b>(994,244)</b>	-	<b>(267,240)</b>	-
Untung belum direalisasikan pelaburan kewangan	<b>(1,384,385)</b>	(324,537)	-	-
Susutnilai dan pelunasan	<b>14,537,478</b>	8,128,174	<b>14,157,477</b>	7,759,631
Keuntungan dari operasi sebelum perubahan modal kerja	<b>253,775,199</b>	220,539,600	<b>253,040,972</b>	226,364,941
Penempatan deposit tetap dengan institusi-institusi kewangan lain	<b>(75,147,385)</b>	(30,225,823)	<b>(75,476,187)</b>	(38,420,309)
Tambahan pembiayaan dan pendahuluan	<b>(23,602,888)</b>	(250,066,393)	<b>(23,602,888)</b>	(250,066,393)
Kurangan/(tambahan) aset-aset lain	<b>2,520,922</b>	(1,314,931)	<b>(4,138,073)</b>	(771,007)
Tambahan deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	-	(1,174,846)	-	(1,174,846)
Tambahan dalam simpanan anggota	<b>10,008,162</b>	27,612,237	<b>10,008,162</b>	27,612,237
(Kurangan)/tambahan lain-lain pemiutang	<b>(8,146,846)</b>	17,982,057	<b>(1,285,296)</b>	12,981,951

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (bersambung)

	Kumpulan		Koperasi	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Tunai dihasilkan/(digunakan) daripada aktiviti operasi	<b>159,407,164</b>	(16,648,099)	<b>158,546,690</b>	(23,473,426)
Zakat dibayar	<b>(1,336,629)</b>	(988,577)	<b>(1,336,629)</b>	(988,577)
Cukai dibayar	<b>(8,322,469)</b>	(2,934,493)	<b>(7,782,065)</b>	(2,465,980)
Cukai dikembalikan	<b>257,080</b>	187,082	<b>184,805</b>	187,082
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan) dalam aktiviti operasi	<b>150,005,146</b>	(20,384,087)	<b>149,612,801</b>	(26,740,901)
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>				
Pembelian hartanah, peralatan dan aset tidak ketara	<b>(26,081,513)</b>	(45,816,775)	<b>(25,637,079)</b>	(45,729,779)
Perolehan daripada jualan hartanah dan peralatan	<b>180,488</b>	1,577,929	<b>100,500</b>	1,575,600
Pelupusan pelaburan tersedia untuk dijual	<b>2,928,194</b>	-	<b>2,201,190</b>	-
Pelaburan tambahan dalam syarikat bersekutu	<b>(10,500,000)</b>	-	<b>(10,500,000)</b>	-
Pelaburan dalam saham dan aset dana pengurusan	-	-	-	2,888,137
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<b>(33,472,831)</b>	(44,238,846)	<b>(33,835,389)</b>	(41,266,042)
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Bayaran dividen	<b>(126,284,923)</b>	(122,639,387)	<b>(126,284,923)</b>	(122,639,387)
Modal bersih diterima dari ahli-ahli	<b>73,396,392</b>	102,943,065	<b>73,396,392</b>	102,943,065
Pengagihan kepada ahli-ahli	<b>(1,610,172)</b>	(1,531,453)	<b>(1,610,172)</b>	(1,531,453)
Bayaran pinjaman	<b>(183,500,000)</b>	11,000,000	<b>(183,500,000)</b>	11,000,000
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<b>(237,998,703)</b>	(10,227,775)	<b>(237,998,703)</b>	(10,227,775)
<b>Kurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>(121,466,388)</b>	(74,850,708)	<b>(122,221,291)</b>	(78,234,718)
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>	<b>161,049,601</b>	235,900,309	<b>155,308,836</b>	233,543,554
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>39,583,213</b>	161,049,601	<b>33,087,545</b>	155,308,836
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Baki tunai dan bank (Nota 3)	<b>40,038,459</b>	169,717,745	<b>33,542,791</b>	163,976,980
Pinjaman daripada institusi- institusi kewangan yang lain - Overdraf bank (Nota 15)	<b>(455,246)</b>	(8,668,144)	<b>(455,246)</b>	(8,668,144)
	<b>39,583,213</b>	161,049,601	<b>33,087,545</b>	155,308,836

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN - 31 Disember 2017

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (“KT” atau “Koperasi”) merupakan sebuah koperasi yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993. Pejabat berdaftar Koperasi terletak di Wisma Koperasi Tentera, No 1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat, 53000 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Koperasi ialah dalam bidang-bidang pembiayaan, pelaburan dan agen insuran.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 8(i) kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama Koperasi dan subsidiari sepanjang tahun kewangan ini.

Penyata-penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah menerusi resolusi para pengarah koperasi pada 21 April 2018.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

#### 2.1 Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting seperti dinyatakan dalam Nota 2.

Kumpulan dan Koperasi mempersembahkan penyata kedudukan kewangan mereka mengikut turutan kecairan.

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi hanya apabila terdapat hak yang sah atau boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian perakaunan atau tafsiran, dan dinyatakan secara khusus dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Koperasi.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), yang juga merupakan mata wang fungsian Koperasi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.2 Penerimaan pindaan kepada MFRS dan penambahbaikan tahunan kepada MFRS

Pada 1 Januari 2017, Kumpulan dan Koperasi telah menerima pakai pindaan kepada MFRS dan penambahbaikan tahunan kepada MFRS seperti berikut:

#### ***Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017***

- Pindaan kepada MFRS 107, *Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi kerugian belum direalisasi*
- Pindaan kepada MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain* (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)

Sifat dan impak pindaan kepada MFRS dinyatakan di bawah:

#### ***Pindaan kepada MFRS 107, Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan***

Pindaan ini memerlukan entiti untuk memberikan pendedahan yang membolehkan pengguna penyata kewangan menilai perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan, termasuk perubahan yang timbul daripada aliran tunai dan bukan tunai. Pada aplikasi awal pindaan ini, entiti tidak dikehendaki menyediakan maklumat perbandingan untuk tempoh sebelumnya.

Pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi.

#### ***Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi kerugian belum direalisasi***

Pindaan tersebut menjelaskan bahawa entiti perlu mempertimbangkan sama ada undang-undang percukaian menyekat sumber-sumber keuntungan bercukai yang boleh dibuat potongan ke atas pembalikan perbezaan sementara boleh ditolak. Selain itu, pindaan tersebut memberi panduan tentang bagaimana entiti harus menentukan keuntungan bercukai masa depan dan menjelaskan keadaan di mana keuntungan bercukai mungkin termasuk pemulihan beberapa aset lebih daripada jumlah bawaannya.

Entiti dikehendaki mengguna pakai pindaan secara retrospektif. Walau bagaimanapun, pada aplikasi awal pindaan, perubahan dalam baki awal ekuiti bagi tempoh perbandingan tahun-tahun terdahulu boleh diiktiraf di dalam baki awal perolehan tertahan (atau dalam komponen ekuiti lain, sebagaimana yang sesuai), tanpa perlu membuat pembahagian perubahan antara perolehan terkumpul dan komponen ekuiti lain. Entiti yang menggunakan pelepasan ini mesti mendedahkan fakta tersebut.

Pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi.

#### ***Pindaan kepada MFRS 12, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)***

Pindaan tersebut menjelaskan bahawa keperluan pendedahan dalam IFRS 12, selain dari perenggan B10-B16, digunakan untuk kepentingan entiti dalam subsidiari, usahasama atau syarikat bersekutu (atau sebahagian kepentingannya dalam usahasama atau syarikat bersekutu) yang diklasifikasikan (atau dimasukkan ke dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan) sebagai dipegang untuk jualan.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.2 Penerimaan pindaan kepada MFRS dan penambahbaikan tahunan kepada MFRS (bersambung)

#### **Pindaan kepada MFRS 12, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)**

Pindaan tersebut digunakan secara retrospektif. Pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, kerana Kumpulan dan Koperasi tidak mempunyai sebarang kepentingan signifikan dalam entiti yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan atau sebagai operasi yang dihentikan semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Koperasi.

#### **Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018**

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2014)*
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak-kontrak dengan Pelanggan*
- Tafsiran IC 22, *Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Terdahulu*
- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan kepada MFRS 2, *Pembayaran berasaskan saham – Pengelasan dan Pengukuran Transaksi Pembayaran Berasaskan Saham*
- Pindaan kepada MFRS 4, *Kontrak Insurans - Mengguna Pakai MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurans*
- Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan kepada MFRS 140, *Pelaburan Hartanah – Pindahan Pelaburan Hartanah*

#### **Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019**

- MFRS 16, *Pajakan*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan - Ciri-ciri Pra Pembayaran dengan Pampasan Negatif*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Cukai Pendapatan*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Penggabungan Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 123, *Kos peminjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* Kepentingan jangka panjang dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### *Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021*

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

#### *Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan*

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan yang Disatukan - Jualan atau Sumbangan Aset-aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha sama.*
- Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Jualan atau Sumbangan Aset-aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha sama.*

Kumpulan dan Koperasi merancang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang disebut di atas seperti berikut:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2018 bagi piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, kecuali bagi Pindaan kepada MFRS 2 dan Tafsiran IC 22, yang tidak berkaitan kepada Kumpulan dan Koperasi.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2019 untuk piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2021 untuk piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

Penggunaan piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran tersebut dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi bagi tempoh semasa dan sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

#### **(i) MFRS 15, Hasil daripada Kontrak-kontrak dengan Pelanggan**

MFRS 15 memperkenalkan model lima langkah baru yang akan diaplikasikan kepada hasil yang timbul daripada kontrak dengan pelanggan. Di bawah MFRS 15, hasil diiktiraf pada jumlah yang mencerminkan jangkaan entiti terhadap balasan yang berhak diterima dalam penyempurnaan pemindahan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Prinsip-prinsip dalam MFRS 15 menyediakan pendekatan yang lebih berstruktur (iaitu model lima langkah) untuk mengukur dan mengiktiraf hasil. Model lima langkah yang akan digunakan untuk pengiktirafan hasil di bawah MFRS 15 adalah seperti berikut:

- (1) Mengenalpasti kontrak dengan pelanggan;
- (2) Mengenalpasti obligasi pelaksanaan dalam kontrak;
- (3) Menentukan harga transaksi;
- (4) Memperuntukkan harga transaksi kepada obligasi pelaksanaan dalam kontrak; dan
- (5) Mengiktiraf hasil apabila (atau bilamana) entiti memenuhi obligasi pelaksanaan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### (i) MFRS 15, Hasil daripada Kontrak-kontrak dengan Pelanggan (bersambung)

Piawaian ini memerlukan entiti untuk membuat pertimbangan, dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang relevan apabila menggunakan setiap langkah model untuk kontrak dengan pelanggan mereka. Piawaian ini juga menentukan bagaimana untuk mengambil kira kos tambahan untuk mendapatkan kontrak dan kos berkaitan langsung untuk memenuhi kontrak. Keperluan pendedahan baru di bawah MFRS 15 yang merangkumi maklumat yang disebarkan mengenai hasil dan maklumat mengenai obligasi pelaksanaan yang masih ada pada tarikh pelaporan.

Piawaian hasil yang baru terpakai kepada semua entiti dan akan menggantikan semua keperluan pengiktirafan hasil semasa di bawah MFRS (termasuk MFRS 111 *Kontrak Pembinaan*, MFRS 118 *Hasil*, Tafsiran IC 13 *Program Kesetiaan Pelanggan*, Tafsiran IC 15 *Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah*, Tafsiran IC 18 *Pemindahan Aset dari Pelanggan* dan Tafsiran IC 131 *Hasil - Transaksi Barter Melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan*). Aplikasi retrospektif penuh atau aplikasi retrospektif yang diubahsuai diperlukan untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Penerimaan pakai awal dibenarkan. Kumpulan dan Koperasi merancang untuk menerima pakai piawaian tersebut pada tarikh efektifnya, dengan menggunakan kaedah retrospektif yang telah diubahsuai. Piawaian ini tidak terpakai kepada pendapatan atau hasil yang berkaitan dengan instrumen kewangan yang diskop dalam MFRS 9 seperti pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan pelaburan sekuriti kewangan.

Kumpulan dan Koperasi telah menubuhkan sebuah pasukan projek, dengan bantuan dari pelbagai bidang pengurusan perniagaan dan kewangan untuk menilai potensi kesan penggunaan piawaian ini. Usaha-usaha pelaksanaan termasuk skop perolehan aliran hasil material, analisis kontrak asas, perbincangan unit perniagaan untuk menilai kontrak dan produk khusus dan pembangunan pendedahan yang dikemas kini. Pasukan projek telah menyelesaikan skop dan mengenalpasti kira-kira RM10 juta pendapatan operasi lain bagi akhir tahun kewangan 2017 akan berada di dalam skop piawaian pengiktirafan pendapatan baru, apabila diterima pakai. Berdasarkan kontrak yang telah disemak semula setakat ini, potensi perubahan dalam pengiktirafan hasil bagi kontrak tersebut tidak dijangka akan memberi impak yang material kepada Kumpulan dan Koperasi setelah diterima pakai. Pasukan projek sedang membangunkan pendedahan kuantitatif dan kualitatif tambahan yang diperlukan apabila menerima pakai piawaian pengiktirafan pendapatan baru ini.

#### (ii) MFRS 9, Instrumen Kewangan

Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") mengeluarkan versi terakhir Instrumen Kewangan IFRS 9 yang merangkumi semua fasa projek instrumen kewangan dan menggantikan IAS 39 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan semua versi IFRS 9. Piawaian ini memperkenalkan keperluan baru untuk klasifikasi dan pengukuran, rosot nilai, dan perakaunan lindung nilai. IFRS 9 berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Aplikasi retrospektif diperlukan, tetapi penyataan semula maklumat perbandingan adalah tidak wajib.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### (ii) MFRS 9, Instrumen Kewangan (bersambung)

MFRS 9 dikeluarkan oleh MASB berkenaan dengan aplikasinya di Malaysia. Ia bersamaan dengan IFRS 9 yang dikeluarkan oleh IASB, termasuk tarikh efektif dan tarikh dikeluarkan. Perkara-perkara yang mempunyai impak besar yang dijangkakan daripada penggunaan MFRS 9 diringkaskan di bawah:

#### (i) Pengelasan dan pengukuran

MFRS 9 mengkehendaki aset kewangan dikelaskan berdasarkan kepada dua kriteria:

- (1) Model perniagaan dalam aset kewangan yang diuruskan; dan
- (2) Ciri aliran tunai kontraktual.

Pada pengiktirafan awal, setiap aset kewangan akan diklasifikasikan sebagai kos terlunas, nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") atau nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") seperti yang diringkaskan di bawah:

Kos terlunas	Nilai saksama	
	FVOCI	FVTPL
Aset kewangan akan diukur pada kos terlunas jika aset yang dipegang dalam suatu model perniagaan bertujuan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual yang mewakili pembayaran pokok dan faedah semata.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aset kewangan akan diukur pada FVOCI jika aset yang dipegang dalam model perniagaan yang matlamatnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan, dan aliran tunai kontraktual mewakili pembayaran pokok dan faedah semata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aset kewangan akan diukur pada FVTPL jika aset yang dipegang untuk perdagangan atau aset kewangan yang tidak layak dipegang pada kos terlunas atau pada FVOCI.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Instrumen ekuiti biasanya diukur pada FVTPL. Walau bagaimanapun, bagi instrumen ekuiti yang tidak didagangkan, dengan pilihan tidak boleh dibatalkan pada permulaan, perubahan diukur melalui FVOCI (iaitu tanpa keuntungan atau kerugian yang dikitar semula ketika penyahiktirafan).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Instrumen ekuiti yang tidak dipilih untuk FVOCI akan diukur pada FVTPL</li> </ul>

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### (ii) MFRS 9, Instrumen Kewangan (bersambung)

##### (i) Pengelasan dan pengukuran (bersambung)

Pengelasan dan pengukuran untuk liabiliti kewangan sebahagian besarnya tidak berubah, selain dari keuntungan dan kerugian nilai saksama berkaitan perubahan dalam 'risiko kredit sendiri' untuk liabiliti kewangan yang ditetapkan dan diukur pada FVTPL perlu ditunjukkan dalam pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Baki perubahan dalam nilai saksama ditunjukkan dalam untung rugi, melainkan jika pembentangan perubahan nilai saksama berkenaan dengan risiko kredit liabiliti dalam OCI akan menimbulkan atau memperbesarkan ketidakpadanan perakaunan dalam untung atau rugi.

##### (ii) Rosot nilai

Keperluan rosot nilai MFRS 9 berdasarkan pada model Kerugian Kredit Dijangka ("ECL") yang menggantikan model Kerugian Tertanggung di bawah piawaian perakaunan semasa. Model ECL diaplikasi kepada aset kewangan yang diukur pada kos terlunas atau pada FVOCI, komitmen pinjaman tidak dapat dibatalkan dan kontrak jaminan kewangan, yang termasuk pinjaman, pendahuluan dan instrumen hutang dan hutang yang dipegang oleh Kumpulan dan Koperasi. Model ECL juga digunakan untuk aset kontrak di bawah MFRS 15 Hasil daripada Kontrak-kontrak dengan Pelanggan dan pajakan belum terima di bawah MFRS 117 Pajakan.

Pengukuran kerugian dijangka akan melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan termasuk yang berikut:

- **Menentukan peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal**

Penilaian kemerosotan yang ketara sejak pengiktirafan awal adalah kunci dalam menentukan titik perpindahan antara keperluan untuk mengukur elaun berdasarkan ECL 12-bulan dan yang berdasarkan ECL sepanjang hayat. Penilaian kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menganggarkan peningkatan ketara dalam risiko kredit dengan membandingkan risiko kegagalan yang berlaku pada aset kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan yang berlaku pada aset kewangan pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan dan Koperasi secara amnya dikehendaki mengguna pakai pendekatan tiga peringkat berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal.

Pengukuran kerugian dijangka akan melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan yang termasuk:

Pendekatan 3 peringkat	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
	Tidak-terjejas	Kurang-terjejas	Terjejas
Pendekatan ECL	12-bulan ECL	ECL sepanjang hayat	ECL sepanjang hayat
Kriteria	Tiada kenaikan ketara dalam risiko kredit	Risiko kredit meningkat dengan ketara	Kredit terjejas
Pendapatan faedah berdasarkan:	Jumlah bawaan kasar	Jumlah bawaan kasar	Jumlah bawaan bersih



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### (ii) MFRS 9, Instrumen Kewangan (bersambung)

##### (ii) Rosot nilai (bersambung)

- **Pengukuran ECL**

Terdapat tiga komponen utama untuk mengukur ECL yang merupakan Model Kebarangkalian Dimungkiri ("PD"), Model Kemungkinan Yang Diberikan ("LGD") dan Model Pendedahan Dimungkiri ("EAD"). Model ini memanfaatkan model Kumpulan dan Koperasi yang sedia ada dan melakukan penyesuaian yang diperlukan untuk menghasilkan model yang patuh MFRS 9.

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Oleh itu, Kumpulan dan Koperasi memutuskan untuk terus mengukur rosot nilai secara kolektif. Untuk maklumat terperinci mengenai pendekatan rosot nilai yang sedia ada di bawah MFRS 139, sila rujuk Nota 2.4 (h) (i).

- **Hayat dijangka**

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat mesti diukur sepanjang hayat yang dijangka. Ini terhad kepada hayat kontrak maksimum dan mengambil kira bayaran terdahulu yang dijangka.

- **Maklumat ke hadapan**

Kerugian kredit yang dijangkakan adalah kerugian kredit berwajaran kebarangkalian yang tidak berat sebelah yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil dan mempertimbangkan keadaan ekonomi masa depan. Maklumat ke hadapan yang munasabah dan boleh dipercayai berdasarkan kepada sumber-sumber koperasi sedia ada. Di samping itu, andaian dan analisis didasarkan pada pengumpulan data makroekonomi yang diperolehi dari pelbagai sumber seperti, tetapi tidak terhad kepada badan pengawal selia, organisasi kerajaan dan penyelidikan bebas.

#### (iii) Perakaunan lindung nilai

Keperluan untuk perakaunan lindung nilai telah dipermudahkan bagi pengujian keberkesanan lindung nilai dan boleh menyebabkan lebih banyak penamaan item lindung nilai untuk tujuan perakaunan.

Kumpulan dan Koperasi telah menubuhkan pasukan projek MFRS 9 yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan dianggotai pihak pengurusan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dibantu oleh perunding luar untuk merancang dan mengurus pelaksanaan MFRS 9. Projek pelaksanaan ini terdiri daripada fasa-fasa berikut:

- (a) Fasa 1 – Penilaian jurang dan impak;
- (b) Fasa 2 – Pelaksanaan
- (c) Fasa 3 – Pelancaran

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

#### (ii) MFRS 9, *Instrumen Kewangan* (bersambung)

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Kumpulan dan Koperasi telah membangunkan langkah-langkah untuk mengukur peningkatan ketara dalam risiko kredit, mengenalpasti maklumat ke hadapan, termasuk kebarangkalian hasil wajaran keadaan ekonomi masa depan.

Tadbirurus keseluruhan projek MFRS 9 adalah melalui Jawatankuasa Pemandu Projek MFRS 9 yang terdiri daripada wakil dari Kewangan, Risiko, IT dan pelbagai unit perniagaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah telah memberikan pengawasan yang berkesan terhadap progres Kumpulan dan Koperasi sebagai penyediaan penerimaan pakai MFRS 9 bersama-sama dengan perkembangan terkini mengenai progres dan kesediaan MFRS 9 oleh Pasukan Projek.

Secara keseluruhannya, Kumpulan dan Koperasi menjangka impak ke atas penyata kewangan dalam kategori pengelasan dan pengukuran untuk aset kewangan dan kemerosotan nilai. Keperluan pengelasan dan pengukuran akan memberi kesan terhadap pembentangan dan pendedahan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi sementara keperluan rosot nilai dijangka akan menyebabkan peruntukan yang lebih tinggi untuk kerugian rosot nilai.

#### (iii) MFRS 16, *Pajakan*

MFRS 16 menggantikan panduan dalam MFRS 117, *Pajakan*, Tafsiran IC 4, *Menentukan sama ada Perjanjian mengandungi Pajakan*, Tafsiran IC 115, *Pajakan Operasi – Insentif* dan Tafsiran IC 127, *Penilaian Kandungan Urusniaga Pajakan Yang Melibatkan Undang-Undang*.

Kumpulan sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 16.

#### (iv) Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2014-2016)*

Pindaan ini menjelaskan bahawa sesuatu entiti, yang merupakan organisasi modal teroka, atau kumpulan wang bersama, unit amanah atau entiti yang serupa, mempunyai pilihan bagi setiap pelaburan untuk mengukur pelaburannya dalam syarikat bersekutu dan usaha sama pada nilai saksama.

Kumpulan sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan pindaan tersebut.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting

#### (a) Asas penyatuan

Kawalan diperoleh apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan melalui kuasanya ke atas penerima pelaburan. Secara khususnya, Kumpulan mengawal penerima pelaburan, hanya jika, Kumpulan mempunyai tiga elemen kawalan seperti di bawah:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti bersesuaian bagi penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan atau hak ke atas pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan menggunakan kuasanya atas penerima pelaburan bagi mempengaruhi pulangan.

Secara umumnya, terdapat anggapan bahawa majoriti hak mengundi mengakibatkan kawalan. Bagi menyokong anggapan ini dan apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak yang sama atas penerima pelaburan, pihak Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang berkaitan dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuk:

- (i) Pengaturan kontraktual dengan pemegang undi lain penerima pelaburan;
- (ii) Hak-hak yang timbul daripada pengaturan kontraktual yang lain; dan
- (iii) Hak-hak untuk mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan.

Kumpulan menilai sama ada ia mempunyai kawalan terhadap penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menandakan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih terhadap tiga elemen kawalan. Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh perolehan atau perbadanan, iaitu tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan ke atasnya dan akan terus disatukan sehingga tarikh hak kawalan tersebut berakhir. Aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan subsidiari yang diperoleh atau dilupuskan dalam tahun semasa termasuk dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan ke atasnya sehingga tarikh penamatan kawalan ke atas subsidiari.

Keuntungan atau kerugian dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain adalah dikaitkan dengan pemegang ekuiti Koperasi dan kepentingan tidak dikawal, walaupun ini menyebabkan kepentingan tidak dikawal mempunyai baki defisit. Sekiranya perlu, pelarasan akan dilakukan ke atas dasar perakaunan subsidiari untuk memastikan ianya selari dengan dasar perakaunan kumpulan. Kesemua aset dan liabiliti intra-kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi antara ahli-ahli Kumpulan disingkirkan secara sepenuhnya semasa penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan milikan syarikat subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, diambil kira sebagai transaksi ekuiti.

Jika Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari, ia akan menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari, menyahiktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari serta komponen ekuiti yang lain dan mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam untung atau rugi. Setiap pelaburan tertahan diiktiraf pada nilai saksama.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (b) Penggabungan perniagaan dan muhibah

Penggabungan perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur atas nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diperoleh. Bagi setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian aset bersih yang dikenal pasti oleh syarikat yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran apabila ianya berlaku.

Apabila Kumpulan memperolehi sesuatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan yang diperoleh dan liabiliti kewangan yang ditanggung untuk pengelasan dan penetapan yang bersesuaian mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan berkaitan pada tarikh pemerolehan. Ini termasuk pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak hos syarikat yang diperoleh.

Sebarang pertimbangan bersyarat untuk dipindahkan kepada pemeroleh akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Pertimbangan bersyarat dikelaskan sebagai aset atau liabiliti yang merupakan instrumen kewangan dan berada dalam skop MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, diukur pada nilai saksama dengan perubahannya diiktiraf di dalam penyata untung atau rugi.

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebih agregat pertukaran yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal dan apa-apa kepentingan yang dipegang sebelumnya, atas aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang ditanggung. Jika nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti dengan betul semua aset yang diperolehi dan semua liabiliti yang ditanggung dan mengkaji semula prosedur yang digunakan untuk mengukur amaun yang diiktiraf pada tarikh pemerolehan. Jika penilaian semula masih menghasilkan nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, keuntungan tersebut akan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Bagi tujuan ujian kerosotan nilai, muhibah yang diperolehi dari penggabungan perniagaan akan diperuntukan dari tarikh pemerolehan kepada setiap unit penjana tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada penggabungan, tanpa mengambil kira sama ada aset atau liabiliti lain-lain pemerolehan ditetapkan kepada unit berkenaan.

Jika muhibah diperuntukan kepada unit penjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit penjana tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan akan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi itu semasa menentukan keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan operasi berkenaan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama daripada pelupusan operasi dan bahagian unit penjana tunai dikekalkan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana Koperasi telah atau dianggap mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Koperasi mempunyai kuasa ke atas entiti lain.

Dalam penyata kewangan Koperasi yang berasingan, pelaburan dalam syarikat, yang terkait dengan pelaburan dalam skim pelaburan kolektif, diiktiraf pada nilai saksama.

Dalam pelupusan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata untung atau rugi.

#### (d) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti di mana Kumpulan dan Koperasi mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam proses penentuan dasar kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukannya kawalan atau kawalan bersama terhadap dasar-dasar berkenaan.

Usaha sama adalah sejenis pengatur-an bersama di mana semua pihak yang mempunyai kawalan bersama atas perjanjian tersebut mempunyai hak ke atas aset-aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan atas pengatur-an yang dipersetujui secara kontraktual yang hanya wujud apabila keputusan melibatkan aktiviti relevan yang memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Semasa perolehan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebih kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti pelaburan yang dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam amaun bawaan pelaburan. Sebarang lebih bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan atas kos pelaburan boleh dikenal pasti dikecualikan dalam nilai bawaan pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh Kumpulan dan Koperasi mempunyai pengaruh ketara atau kawalan bersama.

Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos. Jumlah bawaan pelaburan diselaraskan bagi perubahan dalam bahagian aset bersih syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama milik Kumpulan sejak tarikh pemerolehan. Apabila bahagian kerugian yang ditanggung oleh Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian seterusnya kecuali Kumpulan menanggung obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (d) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama (bersambung)

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusiaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya sehingga kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan transaksi tersebut menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Koperasi. Sekiranya perlu, penyelarasan dibuat supaya dasar perakaunan selari dengan Kumpulan.

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sama ada perlu untuk mengiktirafkan sebarang rosot nilai kerugian atas pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama mengalami rosot nilai. Jikalau terbukti, Kumpulan akan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperolehi semula dengan nilai bawaannya, kemudian mengiktiraf jumlah dalam penyata untung atau rugi. Penarikbalikan rosot nilai diiktiraf sekiranya amoun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf sebarang pemegang pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan antara jumlah bawaan syarikat bersekutu atau usaha sama terhadap kehilangan pengaruh ketara atau kawalan bersama dengan nilai saksama pegangan pelaburan dan hasil daripada pelupusan akan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Dalam penyata kewangan berasingan Koperasi, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak dengan kerugian rosot nilai terkumpul. Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai bawaannya diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata untung atau rugi.

#### (e) Hartanah dan peralatan

Kesemua hartanah dan peralatan pada asalnya direkodkan pada kos. Kos hartanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika dan hanya jika, ia berkebarangkalian memberi sumbangan ekonomi masa depan kepada Kumpulan dan Koperasi dan kosnya boleh dikira secara pasti.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada.

Apabila bahagian penting hartanah dan peralatan perlu digantikan secara berselang, Kumpulan dan Koperasi mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan membuat susut nilai ke atasnya. Begitu juga, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kosnya diiktiraf dalam amaun bawaan hartanah dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam penyata untung atau rugi sebagaimana yang dikenakan.

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh kegunaan yang tidak terbatas dan dengan itu tidak disusut nilai. Tanah pegangan pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan di antara 35 hingga 99 tahun.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (e) Hartanah dan peralatan (bersambung)

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan lain dikira pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti yang berikut:

Tanah pegangan pajak dan bangunan	2%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan komputer	20%
Perabot, kelengkapan dan alatan pejabat	20%
Ubah suai pejabat	10%
Stesen minyak dan peralatan	10%
Aset dalam pembangunan	-
Tanah pegangan bebas	-

Nilai bawaan hartanah dan peralatan disemak untuk rosot nilai apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula.

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Hartanah dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

#### (f) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur berdasarkan kos pengiktirafan awal. Kos bagi aset tidak ketara yang diperolehi daripada penggabungan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman, tidak termasuk kos pembangunan dipermodalkan, tidak dipermodalkan dan perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun tidak terbatas. Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut hayat boleh gunanya secara ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara itu mungkin dirosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat boleh guna terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan.

Perubahan dalam jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi masa akan datang dalam aset itu diambil kira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, sebagaimana wajar dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (f) Aset tidak ketara (bersambung)

Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun, sama ada secara individu atau pada tahap unit penjana tunai. Penilaian hayat tidak terbatas disemak semula setiap tahun untuk menentukan sama ada hayat yang tidak terbatas itu masih boleh dikekalkan. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak terbatas kepada terbatas dilaksanakan secara prospektif.

Keuntungan dan kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan aset tersebut serta diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila aset itu dinyahiktiraf.

Perisian komputer dilunaskan ke atas anggaran hayat penggunaannya selama 5 tahun.

#### (g) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk meraih pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya. Hartanah itu pada awalnya diukur pada kos, termasuk kos transaksi.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh pelaporan. Nilai saksama diperoleh dengan membuat rujukan bukti harga transaksi bagi hartanah yang serupa dalam pasaran dan penilaian dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional dan berpengalaman tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam penyata untung atau rugi pada tahun berkaitan. Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi dikelaskan dan diambilkira sebagai pelaburan hartanah secara hartanah demi hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk mendapatkan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya. Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi dikelaskan sebagai pelaburan hartanah dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan aset diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dalam tempoh penyahiktirafan.

Pindahan akan dibuat kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaannya. Untuk pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan untuk perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan penggunaan harta. Untuk pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, hartanah berkenaan dikira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah dan peralatan seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 2.4(e) sehingga tarikh perubahan penggunaan harta. Sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh perubahan penggunaan harta antara jumlah bawaan hartanah sebelum berlaku perubahan dan nilai saksamanya diiktiraf sertamerta dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula. Apabila keuntungan nilai saksama menarik balik kerugian rosot nilai yang sebelumnya, keuntungan ini diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Apabila pelaburan hartanah dilupuskan, sebarang lebihan sebelum ini yang direkodkan dalam ekuiti dipindahkan kepada keuntungan terkumpul. Pindahan itu tidak dibuat melalui penyata untung atau rugi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan

##### Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu pada tarikh Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

##### Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan dalam skop MFRS 139 diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, kewangan pelaburan dipegang sehingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

Klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung kepada tujuan dan hasrat pihak pengurusan terhadap aset kewangan yang diperolehi dan ciri-cirinya. Semua instrumen kewangan diukur pada mulanya pada nilai saksama ditambah dengan, dalam kes aset kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan tersebut.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan dipegang untuk urus niaga (“HFT”) dan aset kewangan ditetapkan selepas pengiktirafan awal. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ia diperolehi bagi tujuan penjualan atau pembelian balik dalam jangka masa terdekat. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan yang dipegang untuk dagangan dan aset kewangan ditetapkan pada FVTPL direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

#### (ii) Pinjaman dan nilai belum terima

Pinjaman dan nilai belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Aset kewangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki dengan bank, pembiayaan dan pendahuluan dan belum terima lain. Aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga langsung dan tambahan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif (“EPR”) tolak rosotnilai.

#### (iii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (“AFS”)

Pelaburan kewangan AFS adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan dalam mana-mana daripada tiga (3) kategori sebelum ini.

Pelaburan kewangan AFS termasuk ekuiti dan sekuriti hutang. Pelaburan kewangan dalam kategori ini dirancang untuk dipegang bagi satu tempoh yang tidak ditetapkan dan mungkin dijual sebagai reaksi terhadap keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan (bersambung)

##### Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (bersambung)

##### (iii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (“AFS”)

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan kewangan AFS diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang belum direalisasi akan diiktiraf terus dalam pendapatan komprehensif lain dan dalam ‘Rizab AFS’, kecuali bagi kerugian rosot nilai, keuntungan atau kerugian pertukaran asing bagi aset kewangan monetari dan pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Dividen pelaburan kewangan AFS diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila hak Kumpulan dan Koperasi untuk menerima pembayaran telah diwujudkan. Apabila Kumpulan dan Koperasi menyahiktiraf pelaburan kewangan AFS, keuntungan atau kerugian terkumpul yang belum direalisasi yang sebelum itu diiktiraf dalam ‘Rizab AFS’ diklasifikasikan semula dalam penyata untung atau rugi di bawah ‘pendapatan operasi lain’.

Kumpulan dan Koperasi menilai sama ada keupayaan dan hasrat untuk menjual pelaburan kewangan AFS dalam tempoh terdekat masih sesuai. Apabila, dalam keadaan yang jarang berlaku, Kumpulan dan Koperasi tidak dapat mendagangkan pelaburan kewangan disebabkan oleh pasaran tidak aktif dan hasrat pengurusan untuk berbuat demikian akan berubah dengan ketara pada masa hadapan, Kumpulan dan Koperasi boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula pelaburan kewangan.

Bagi pelaburan kewangan yang dikelaskan semula daripada kategori tersedia untuk dijual, nilai saksama yang dibawa dari tarikh klasifikasi semula menjadi kos baru terlunas dan sebarang keuntungan atau kerugian sebelumnya ke atas aset yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan ke untung atau rugi sepanjang baki hayat pelaburan menggunakan EPR. Sebarang perbezaan antara kos terlunas yang baru dan jumlah matang juga dilunaskan sepanjang baki hayat aset tersebut menggunakan EPR. Jika aset kemudiannya ditentukan sebagai terjejas, maka jumlah yang dicatatkan dalam ekuiti dikelaskan semula kepada penyata untung atau rugi.

##### Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila:

- (i) Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempohnya; atau
- (ii) Kumpulan dan Koperasi telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau telah menanggung kewajipan untuk membayar sepenuhnya aliran tunai yang diterima tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturanan “serah semula”;
- (iii) Kumpulan dan Koperasi telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan; atau
- (iv) Kumpulan dan Koperasi tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan (bersambung)

##### Penyahiktirafan (bersambung)

Apabila Kumpulan dan Koperasi memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset kewangan atau membuat pengaturan “serah semula”, mereka akan menilai sejauh mana mereka telah mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan dan tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran serta tidak memindahkan kawalan, aset kewangan itu diiktiraf selagi terdapat penglibatan terusan Kumpulan dan Koperasi dalam aset kewangan tersebut. Dalam hal ini, Kumpulan dan Koperasi juga mengiktirafkan liabiliti kewangan yang berkaitan. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan diukur pada asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajipan-kewajipan yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Koperasi.

##### Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan Koperasi menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa sesuatu aset kewangan, termasuk satu atau sekumpulan sekuriti (selain aset kewangan FVTPL) merosot nilai. Satu atau sekumpulan aset kewangan dianggap merosot nilai jika dan hanya sekiranya, terdapat bukti jelas rosot nilai akibat satu (1) atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut (peristiwa yang mendatangkan kerugian) dan peristiwa berkenaan mengakibatkan impak terhadap jangkaan aliran tunai masa depan aset kewangan atau sekumpulan aset-aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

Bukti rosot nilai termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kemungkinan mereka akan muflis atau penyusunan semula kewangan lain, kemungkiran atau kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal atau di mana data menunjukkan pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi yang berkait dengan kemungkiran.

#### (i) Pembiayaan dan pendahuluan

Pembiayaan dan pendahuluan diklasifikasikan sebagai dirosot nilai apabila:

- (a) prinsipal atau faedah atau kedua-duanya tidak berbayar untuk tempoh lebih dari tiga (3) bulan atau lebih; atau
- (b) Pembiayaan dan pendahuluan tertunggak untuk tempoh kurang dari tiga (3) bulan yang menunjukkan tanda-tanda kelemahan kredit, tanpa mengira sama ada kerugian rosot nilai telah diambil kira; atau
- (c) Pembiayaan dan pendahuluan dirosot nilai telah dijadual atau distruktur semula, pembiayaan dan pendahuluan akan terus diklasifikasikan sebagai dirosot nilai sehingga pembayaran balik berdasarkan syarat-syarat yang disemak dan/atau distruktur semula diperhatikan secara berterusan untuk tempoh selama enam (6) bulan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan (bersambung)

##### Rosot nilai aset kewangan (bersambung)

#### (i) Pembiayaan dan pendahuluan (bersambung)

##### Proses rosot nilai - penilaian kolektif

Pembiayaan dan pendahuluan yang secara individunya tidak penting dan yang telah ditaksir secara individu tanpa ada bukti kerugian rosot nilai dikumpulkan bersama-sama untuk penilaian rosot nilai secara kolektif. Pembiayaan dan pendahuluan tersebut dikumpulkan mengikut kriteria risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko-risiko (seperti prestasi setiap kumpulan individu yang berbeza) diambil kira.

Aliran tunai masa depan dalam sekumpulan pembiayaan dan pendahuluan yang secara kolektif dinilai bagi rosot nilai dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian Kumpulan dan Koperasi. Sejarah pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang mencerminkan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh di mana sejarah pengalaman kerugian berasaskan dan untuk menyingkirkan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang kini tidak lagi wujud.

Anggaran perubahan aliran tunai masa depan untuk sekumpulan aset perlu mencerminkan dan konsisten dalam hala tuju dengan perubahan dalam data berkaitan yang boleh diperhatikan dari satu tempoh ke tempoh yang lain. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa depan disemak secara kerap oleh Kumpulan dan Koperasi untuk mengurangkan sebarang perbezaan di antara anggaran kerugian dan kerugian yang sebenar.

##### Proses rosot nilai - hapus kira akaun

Apabila tiada prospek realistik untuk pemulihan, pembiayaan dan pendahuluan berkenaan akan dihapus kira terhadap peruntukan yang berkaitan untuk rosot nilai pinjaman yang berkaitan. Pembiayaan dan pendahuluan berkenaan dihapus kira selepas prosedur yang diperlukan telah selesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemulihan berikutnya untuk amaun yang sebelum ini dihapus kira akan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

#### (ii) Belum terima lain

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti jelas bahawa kerugian rosot nilai aset kewangan telah berlaku, Kumpulan dan Koperasi mempertimbangkan faktor seperti kemungkinan ketidakmampuan bayar atau masalah kewangan penghutang yang ketara dan terdapat kemungkiran atau penangguhan ketara dalam pembayaran.

Jika ada sebarang bukti, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa unjuran aliran tunai masa depan, didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Jumlah kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata untung atau rugi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan (bersambung)

##### Rosot nilai aset kewangan (bersambung)

##### (ii) Belum terima lain (bersambung)

Jumlah bawaan aset kewangan dikurangkan melalui rosot nilai secara langsung untuk aset kewangan.

Jika dalam tahun berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya ditarik balik sehingga tahap di mana jumlah bawaan aset tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh penarikbalikan. Jumlah yang ditarik balik diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

##### (iii) Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (“AFS”)

Bagi pelaburan kewangan AFS, Kumpulan dan Koperasi menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti jelas bahawa pelaburan mengalami rosot nilai.

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, rosot nilai dinilai berdasarkan kriteria yang sama dengan pelaburan kewangan HTM. Walau bagaimanapun, jumlah yang dicatatkan bagi rosot nilai kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos yang dilunaskan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul ke atas pelaburan tersebut yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Pendapatan faedah masa depan terus diakrukan berdasarkan jumlah aset bawaan yang dikurangkan dengan menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai.

Pendapatan faedah direkod sebagai sebahagian daripada keuntungan dan pendapatan yang sama. Jika dalam tahun berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai, diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kerugian rosot nilai akan ditarik balik melalui penyata untung atau rugi.

Dalam kes instrumen pelaburan ekuiti diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS, bukti yang objektif juga termasuk pengurangan yang “ketara” atau “berpanjangan” dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. Secara umumnya Kumpulan dan Koperasi menganggap “ketara” sebagai 20% dan “berpanjangan” sebagai empat (4) suku tahun berturut-turut. Apabila terdapat bukti rosot nilai, kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan kos nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul atas pelaburan itu yang diiktiraf sebelumnya dalam penyata untung atau rugi, diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada penyata untung atau rugi. Kerugian rosot nilai ke atas pelaburan ekuiti tidak ditarik balik melalui penyata untung atau rugi; peningkatan dalam nilai saksama selepas rosot nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Bagi sekuriti tidak disebut harga yang direkodkan pada harga kos, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah bawaan sekuriti dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa sekuriti yang sama. Amaun kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dan tiada penarikbalikan kerugian rosot nilai berikutan pengiktirafannya.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (h) Aset kewangan (bersambung)

##### Pengklasifikasian semula aset kewangan

Kumpulan dan Koperasi boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset bukan derivatif daripada aset kewangan dalam kategori FVTPL, dalam keadaan luar biasa, yang mana aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam jangka masa singkat. Selain itu, Kumpulan dan Koperasi juga boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan yang memenuhi definisi pinjaman dan belum terima daripada aset kewangan pada FVTPL atau pelaburan kewangan AFS jika Kumpulan dan Koperasi mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan tersebut bagi satu tempoh terdekat pada masa depan atau sehingga tempoh matang.

Pengklasifikasian semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh pengklasifikasian semula, yang mana nilai saksama menjadi kos baharu atau kos terlunas, yang mana berkenaan.

Bagi aset kewangan diklasifikasikan semula daripada pelaburan kewangan AFS, sebarang keuntungan atau kerugian sebelum ini pada aset yang telah diiktiraf dalam ekuiti dilunaskan kepada penyata untung atau rugi bagi baki hayat aset dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Sebarang perbezaan di antara kos baharu dilunaskan serta unjuran aliran tunai juga dilunaskan bagi baki hayat aset tersebut menggunakan kaedah faedah efektif. Jika aset tersebut kemudiannya ditentukan untuk dirosot nilai, maka jumlah yang direkodkan dalam ekuiti dimasukkan semula dalam penyata untung atau rugi. Pengklasifikasian semula adalah mengikut pilihan pengurusan, dan ditentukan pada asas instrumen demi instrumen. Kumpulan dan Koperasi tidak mengklasifikasikan semula mana-mana instrumen kewangan dalam kategori FVTPL selepas pengiktirafan awal.

#### (i) Liabiliti kewangan

##### Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen berkaitan. Ini termasuk cara biasa dagangan: belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang biasanya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

##### Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diklasifikasikan berdasarkan kandungan pengaturan berkontrak yang telah dimeterai dan definisi liabiliti kewangan. Semua liabiliti kewangan diukur pada awalnya pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung, kecuali dalam kes liabiliti kewangan pada FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada FVTPL atau liabiliti kewangan lain.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (i) Liabiliti kewangan (bersambung)

##### Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (bersambung)

#### (i) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)

Liabiliti kewangan pada FVTPL termasuk liabiliti kewangan HFT dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal FVTPL. Kategori ini termasuk derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Koperasi yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Kumpulan dan Koperasi tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada FVTPL.

#### (ii) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Koperasi termasuk pemiutang dagangan, pemiutang-pemiutang lain dan pinjaman.

Pemiutang dagangan dan pemiutang-pemiutang lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Pinjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas ditolak kos transaksi dan seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan Koperasi mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

#### Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut syarat-syarat berlainan yang ketara, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubah suai, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baharu. Perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (j) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk jualan aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi tersusun antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Ukuran nilai saksama berdasarkan andaian bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran prinsipal bagi aset atau liabiliti; atau
- Dalam ketiadaan pasaran prinsipal, dalam pasaran paling baik untuk aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran prinsipal atau pasaran yang paling memanfaatkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan Koperasi.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi terbaik untuk mereka.

Pengukuran nilai saksama bagi aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset sebaik mungkin atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset itu sebaik mungkin.

Kumpulan dan Koperasi menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang relevan dan meminimumkan penggunaan input tidak dapat dikaji.

Kesemua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, digambarkan sebagai yang berikut, berdasarkan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 - harga pasaran disebut (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa.
- Tahap 2 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama dikaji secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama tidak dikaji.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan pada asas berulang, Kumpulan dan Koperasi menentukan sama ada pindahan berlaku antara peringkat hierarki nilai saksama dengan menilai semula pengelasan (berdasarkan input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Nilai saksama bagi instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada tarikh laporan adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga (harga tawaran untuk kedudukan panjang dan harga meminta untuk kedudukan pendek), tanpa sebarang penolakan untuk kos urus niaga.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (j) Pengukuran nilai saksama (bersambung)

Bagi instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian yang sesuai. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, perbandingan dengan instrumen serupa yang mana harga pasaran boleh diperhatikan, model harga opsyen, model kredit dan model lain yang berkaitan.

Untuk tujuan pendedahan nilai saksama, Kumpulan dan Koperasi telah menentukan kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset dan liabiliti dan tahap hierarki nilai saksama seperti yang dijelaskan di atas.

#### (k) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata kedudukan kewangan meliputi tunai di bank serta baki tunai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai, ditolak overdraf bank yang merupakan sebahagian daripada pengurusan tunai Kumpulan.

#### (l) Aset-aset lain

Aset-aset ini ditentukan berdasarkan nilai yang boleh diperolehi. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian ke atas baki tertunggak pada tarikh pelaporan.

#### (m) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda sebegini, atau apabila ujian rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Koperasi menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan adalah nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penjana tunai ("CGU"). Sekiranya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah boleh dipulihkan.

Bagi penilaian nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham syarikat awam atau petunjuk nilai saksama yang boleh diperolehi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (m) Rosot nilai aset bukan kewangan (bersambung)

Bagi aset-aset selain muhibah, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya ada tanda sedemikian, Kumpulan dan Koperasi menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak juga melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, dan tidak melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

#### (n) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Koperasi mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunaikan (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu dan ini memungkinkan pengeluaran sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menunaikan kewajipan tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Apabila Kumpulan dan Koperasi menjangkakan sebahagian atau semua peruntukan dibayar semula, sebagai contoh, di bawah kontrak insurans, pembayaran semula adalah diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula adalah dipastikan. Perbelanjaan berkaitan dengan peruntukan ditolak sebarang bayaran balik yang dibentangkan dalam penyata untung atau rugi.

Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan di diskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, mana yang berkaitan, risiko khusus kepada liabiliti. Apabila diskaun digunakan, kenaikan peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

#### (o) Pajakan

##### (i) Pengklasifikasian

Pajakan dikelaskan pada tarikh permulaan sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan dengan cara yang sama seperti pajakan aset-aset lain dan elemen tanah dan bangunan untuk pajakan tanah dan bangunan dikelaskan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan.

##### (ii) Pajakan kewangan - sebagai pemajak

Aset-aset yang dimiliki secara pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian susut nilai. Liabiliti berkaitan dimasukkan sebagai pinjaman dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang dikenakan dalam pajakan, apabila didapati praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar pinjaman tokokan Kumpulan atau Koperasi akan digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (o) Pajakan (bersambung)

##### (ii) Pajakan kewangan - sebagai pemajak (bersambung)

Bayaran pajakan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset-aset pajakan, diiktiraf dalam penyata untung atau rugi pada tempoh pajakan yang relevan untuk menghasilkan tempoh berkala kadar caj yang tetap terhadap baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan bagi aset-aset pajakan adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah dan peralatan seperti mana yang dijelaskan dalam Nota 2.4 (e).

##### (iii) Pajakan operasi - sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan selari dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

##### (iv) Pajakan operasi - sebagai pemberi pajak

Aset-aset yang diberi pajak di bawah pajakan operasi dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan mengikut keadaan semula jadi aset-aset berkenaan. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakan. Kos langsung awal yang ditanggung ketika perundingan dan penyediaan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

#### (p) Kontrak insurans

Koperasi mengeluarkan kontrak kepada ahli yang memindahkan risiko insurans, risiko kewangan atau gabungan kedua-duanya. Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko ketara. Kontrak insurans merupakan kontrak yang di dalamnya menyatakan bahawa Koperasi bersetuju menerima risiko ketara insurans daripada pihak lain (ahli) dengan persetujuan untuk membayar ganti rugi kepada pihak berkenaan apabila berlaku sesuatu perkara tertentu yang tidak pasti pada masa depan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (p) Kontrak insurans (bersambung)

##### (i) Liabiliti premium

Liabiliti premium mewakili tanggungan masa depan kontrak insurans berkaitan penerimaan premium terhadap risiko yang belum tamat tempoh. Pergerakan liabiliti premium dilepaskan berdasarkan terma kontrak insurans dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

##### (ii) Rizab premium belum diperolehi (“UPR”)

UPR mewakili sebahagian pendapatan premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat sivil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan premium belum diperolehi sebenar digunakan. Semua sivil diagihkan mengikut masa sepanjang tempoh risiko.

##### (iii) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan mewakili obligasi Kumpulan, sama ada kontrak atau sebaliknya, untuk membuat pembayaran masa depan berhubung dengan semua tuntutan yang ditanggung pada tarikh pelaporan. Liabiliti tuntutan adalah anggaran kos semua tuntutan yang ditanggung tetapi tidak diselesaikan pada tarikh pelaporan, sama ada dilaporkan ataupun tidak, bersama dengan kos pengendalian tuntutan yang berkaitan dan pemulihan lain.

#### (q) Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Koperasi. Pampasan bagi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila kakitangan telah berkhidmat sehingga bertambahnya hak kepada pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit, diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran.

##### (ii) Pelan caruman ditentukan

Pelan caruman ditentukan adalah pelan manfaat selepas pekerjaan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan atau dana dan tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi. Sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”).



# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (q) Manfaat kakitangan (bersambung)

##### (iii) Pelan manfaat ditentukan

Koperasi mengendalikan pelan manfaat yang tidak ditabungkan, Skim Manfaat Persaraan (“Skim”), untuk pekerja mereka yang layak. Kewajipan Koperasi di bawah skim ini ditentukan berdasarkan penilaian aktuari di mana jumlah manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai manfaat bagi perkhidmatan mereka dalam tahun semasa dan tahun sebelumnya dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaun menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit untuk menentukan nilai semasanya. Kaedah ini membuat anggaran mengenai kos muktamad yang boleh dipercayai kepada entiti, iaitu manfaat yang diperolehi oleh pekerja sebagai balasan untuk perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelum ini. Nilai saksama pelan aset bagi skim yang dibiayai ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan. Kadar diskaun adalah hasil pasaran pada tarikh pelaporan ke atas bon korporat berkualiti tinggi atau bon kerajaan.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sepenuhnya dalam tempoh bila mana ia berlaku dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan dan kerugian aktuari tidak diklasifikasikan semula kepada penyata untung atau rugi pada tempoh berikutnya. Kos perkhidmatan masa lalu diiktiraf serta merta setakat mana manfaat telah diletak hak dan ataupun dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat yang dipinda menjadi terletak hak.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sepenuhnya dalam tempoh bila mana ia berlaku dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan dan kerugian aktuari tidak diklasifikasikan semula kepada penyata untung atau rugi pada tempoh berikutnya. Kos perkhidmatan masa lalu diiktiraf serta merta setakat mana manfaat telah diletak hak dan ataupun dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat yang dipinda menjadi terletak hak.

Jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan mewakili nilai semasa pelan manfaat ditentukan ditolak kos perkhidmatan masa lalu yang tidak diiktiraf, dikurangkan oleh nilai saksama aset pelan. Nilai aset manfaat yang diiktiraf adalah terhad kepada jumlah kos perkhidmatan masa lalu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa manfaat ekonomi yang tersedia dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman rancangan di masa hadapan.

#### (r) Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) terdiri daripada sumbangan yang dibuat oleh Koperasi kepada Kumpulan Wang Likuiditi Pusat SKM pada kadar tidak lebih daripada tiga peratus daripada tanggungan yang layak bertujuan untuk menyediakan bantuan kecairan dengan cara pemberian pinjaman mengikut Akta Koperasi 1993 kepada koperasi-koperasi yang mengalami kekurangan mudah tunai yang di luar jangkaan.

Pada masa ini, kadar caruman yang ditetapkan kepada Koperasi adalah satu peratus daripada jumlah modal saham, modal yuran dan deposit dari anggota.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (s) Cukai pendapatan, cukai tertunda dan zakat

##### (i) Cukai pendapatan

Cukai aset dan liabiliti semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan diperolehi semula daripada ataupun dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai semasa diiktiraf dalam penyata untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar penyata untung atau rugi adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti.

##### (ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dibawa ke hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan, sehingga pada tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul dari muhibah atau muhibah negatif atau pengiktirafan awal transaksi aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi berlaku, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan percukaian.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh laporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut, kecuali apabila ia timbul daripada urusan niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, di mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah yang terhasil atau jumlah sebarang lebihan kepentingan pemerolehi dalam nilai saksama bersih aset dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka ke atas kos gabungan.

##### (iii) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan dibayar oleh Kumpulan dan Koperasi selaras dengan prinsip-prinsip Syariah dan diluluskan oleh Penasihat Syariah Kumpulan dan Koperasi.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (t) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dan perbelanjaan bagi kesemua instrumen kewangan diukur pada kos pelunasan. Aset kewangan yang mengandungi pendapatan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual, aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL") diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dengan menggunakan kaedah keuntungan efektif.

Setelah nilai aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang serupa direkodkan telah berkurangan disebabkan oleh kerugian rosot nilai, pendapatan terus diiktiraf dengan menggunakan kadar keuntungan yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai. Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf berasaskan akrual.

#### (u) Pengiktirafan kos kewangan

##### (i) Hibah ke atas deposit dari anggota

ia merupakan keuntungan yang dibayar ke atas akaun simpanan ahli. Perbelanjaan ini dicaj kepada untung atau rugi dalam tempoh di mana ia ditanggung.

##### (ii) Perbelanjaan pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia ditanggung.

#### (v) Pengiktirafan fi dan pendapatan lain

##### (i) Pendapatan fi dan komisyen

Koperasi memperoleh pendapatan fi dan komisyen daripada pelbagai rangkaian perkhidmatan yang disediakan kepada ahli-ahlinya, termasuk pendapatan komisyen dan fi komitmen pembiayaan. Fi komitmen pembiayaan untuk pembiayaan dan pendahuluan yang mungkin akan dikeluarkan dan fi berkaitan dengan kredit adalah ditanggung (bersama-sama dengan apa-apa kos tambahan) dan diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah pembiayaan. Apabila ia tidak mungkin bahawa pembiayaan akan dikeluarkan, fi komitmen pembiayaan diiktiraf sepanjang tempoh komitmen mengikut kaedah garis lurus.

##### (ii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak Kumpulan untuk menerima bayaran.

##### (iii) Pendapatan perniagaan insurans

Premium yang diterima terdahulu daripada perniagaan insurans diiktiraf sebagai pendapatan dan dilunaskan ke penyata untung atau rugi sepanjang tempoh kontrak insurans.

##### (iv) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan akrual sepanjang tempoh pajakan.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

#### (w) Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan kepentingan sisa dalam aset Kumpulan dan Koperasi selepas ditolak semua liabilitinya.

#### (i) Modal Saham

Modal saham direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal saham diklasifikasikan sebagai ekuiti.

#### (ii) Modal Yuran

Modal yuran direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal yuran diklasifikasikan sebagai ekuiti.

#### (iii) Dividen

Dividen ke atas modal saham dan modal yuran diiktiraf dan direkodkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

### 2.5 Pertimbangan dan anggaran perakaunan signifikan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap aplikasi polisi dan jumlah yang dilaporkan dalam pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangkaan pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset atau liabiliti yang terjejas pada masa akan datang.

Dalam proses menggunakan dasar perakaunan Kumpulan dan Koperasi, pengurusan telah membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

#### (a) Kerugian rosot nilai atas pembiayaan dan pendahuluan

Pendahuluan dan pembiayaan dinilai secara kolektif, dalam kumpulan aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang sama, bagi menetapkan sama ada peruntukan harus dibuat atas kerugian yang ditanggung yang mana terdapat bukti objektif walaupun kesannya masih belum kelihatan. Penilaian kolektif mengambil kira data daripada portfolio pembiayaan (seperti tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, dsb.) dan pertimbangan terhadap kesan penumpuan risiko (seperti kesilapan proses reka bentuk / pembangunan, kualiti data, pengekstrakan data dan transformasi) dan risiko makro (seperti meliputi ekonomi, portfolio dan isu-isu prosedur).

Rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan didedahkan dengan terperinci pada Nota 28.

# PENYATA KEWANGAN KOPERASI TENTERA

(No. Koperasi: 3522) (Diperbadankan di Malaysia)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan (bersambung)

#### (b) Rosot nilai portfolio pelaburan kewangan
